



Kandungan

Kata Pengantar	1
Mukadimah	3
Takrif dan Kepentingan Doa	5
Doa-1 : Ditetapkan Islam	9
Doa-2 : Penghulu Bagi Doa Mohon Keampunan	11
Doa-3 : Mohon Keampunan	12
Doa-4 : Doa Pengiktirafan	13
Doa-5 : Kelapangan Hati dan Jiwa	15
Doa-6 : Petunjuk, Ketaqwaan, Iffah dan Kekayaan	16
Doa-7 : Ditunjukkan Kebenaran	17
Doa-8 : Ilmu, Rezeki dan Amalan	19
Doa-9 : Pertolongan untuk Zikir	20
Doa-10 : 'Afiyat dan Pemeliharaan	21
Doa-11 : Agar Diperbaiki Diri	23
Doa-12 : Minta Kemudahan	24

Doa-13 : Dicukupkan yang Halal	25
Doa-14 : Ditetapkan Hati	26
Doa-15 : Minta Kebaikan dan Menolak Kejahatan	27
Doa-16 : Ditambahkan Kebaikan	29
Doa-17 : Diilhamkan Kecerdasan	30
Doa-18 : Penghujung Umur yang Baik	31
Doa-19 : Elok Dalam Kesudahan Urusan	32
Doa-20 : Mohon Keselamatan	33
Doa-21 : Diselamatkan dari Azab	34
Doa-22 : Berlindung Dari Kejahatan	35
Doa-23 : Berlindung Dari Empat Perkara	36
Doa-24 : Berlindung Dari Penyakit Kronik	37
Doa-25 : Diselamatkan Dari Kemungkaran	38
Doa-26 : Menolak Bala	39
Doa-27 : Agar Tidak Dihilangkan Nikmat	40
Doa-28 : Berlindung Dari Dukacita	41
Doa-29 : Kesabaran dan Keteguhan	42
Doa-30 : Mohon Bersyukur	43
Doa-31 : Mohon Hidayah	44
Doa-32 : Mohon Rahmah	45
Doa-33 : Mohon Keampunan	46
Doa-34 : Pemimpin dan Kepimpinan yang Baik	47
Doa-35 : Kebaikan Dunia dan Akhirat	53
<i>Nota Hujung</i>	54

.....

Kata Pengantar

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) atas komitmen dan dedikasi dalam membudayakan ilmu dalam masyarakat Malaysia. Sesungguhnya ini adalah satu usaha yang murni dalam memperkaya khazanah perbukuan di Malaysia.

Doa adalah pengharapan seseorang untuk mendapatkan kebaikan daripada Allah SWT dengan memohon secara langsung kepada-Nya. Setiap individu mempunyai keperluan dan keinginan masing-masing sama ada secara positif atau negatif, kerana mereka terpaksa menghadapi pelbagai macam kehidupan berupa cabaran, halangan dan dugaan. Justeru umat Islam diajar supaya berdoa kepada Allah SWT bagi memohon limpah perkenan dan rahmat-Nya supaya hajat terkabul.

Buku **“Inilah Doaku”** ini pada hemat saya, keluar tepat pada masanya bagi memberikan solusi dan alternatif kepada umat Islam di Malaysia berhubung segala kecamuk masalah yang melanda. Ia menyedarkan kita betapa pentingnya kebergantungan kepada Allah SWT dalam menghadapi apa jua kemelut dalam hidup.

Saya berharap semoga YB Dato’ Seri akan terus menghasilkan karya-karya berkualiti demi ummah. Malaysia masih dan sentiasa memerlukan buah fikiran beliau untuk mengarusperdanakan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat. Saya percaya, itulah harapan kita semua kepada beliau.

Sekian, terima kasih.

PENERBIT



Mukadimah

Alhamdulillah, pujian dan syukur kepada Ilahi dengan pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas Nabi SAW, keluarga, sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga hari kesudahan.

Pada hari ini, 1 Februari 2020, saya terfikir akan betapa pentingnya untuk kita memulakan kehidupan pada setiap pagi dengan berdoa. Sementelahan lagi, dalam dua minggu belakangan ini, telah merebaknya wabak *coronavirus* sehingga mengorbankan begitu ramai manusia. Dari situ, terdetik dalam hati saya, alangkah baiknya jika kita mempunyai doa khusus yang diamalkan untuk kehidupan kita.

Namun, kami tidak menafikan, sudah terlalu banyak kitab yang memuatkan pelbagai doa. Antara yang masyhur adalah kitab *al-*

Azkar oleh Imam al-Nawawi, *al-Ma'tburat* oleh al-Marhum Hasan al-Banna, kitab *al-Du'a* oleh al-Syeikh Abdullah Sirajuddin dan banyak lagi.

Dalam buku kecil ini, kami kemukakan sejumlah doa yang sewajarnya dibaca dan diamalkan. Kami berazam dan bercita-cita untuk beriltizam membacanya pada waktu pagi meskipun jumlah doa yang dikemukakan tidaklah sebanyak mana.

Cukuplah untuk kita mengambil masa dalam 10 hingga ke 15 minit untuk berdoa dengan doa-doa ini. Ia mungkin boleh dilakukan selepas solat Subuh atau sebelum pergi ke tempat kerja pada setiap pagi.

Ini sebagai menzahirkan diri kita sebagai seorang Muslim yang bergantung kepada Allah SWT. Begitu juga kerana berdoa merupakan sebahagian daripada sifat tawakkal kepada-Nya. Sementelahan lagi, amalan berdoa merupakan amalan para nabi, rasul, para sahabat, salafus soleh dan manusia yang kenal kepada Tuhannya.

Semoga buku yang kecil ini memberi manfaat kepada kita semua untuk beramal dalam berdoa kepada Allah di samping meraikan segala apa yang menjadi adab-adab dalam berdoa.

Takrif dan Kepentingan Doa

Doa menurut Imam al-Khattabi adalah permohonan hamba kepada Tuhannya dengan mengharapkan pertolongan-Nya dan juga bantuan daripada-Nya. (Lihat *Sya'n al-Du'a*, 1/4).

Allah SWT berfirman:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

Maksudnya: *“Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.”*

Surah Ghafir (60)

Kemudian Allah SWT berfirman dalam ayat yang sama:

إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ
دَاخِرِينَ

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.”

Surah Ghafir (60)

Ibn ‘Asyur di dalam tafsirnya menyatakan bahawa ayat ini menjadi dalil bahawa Allah SWT menuntut hamba-Nya untuk berdoa kepada-Nya berkaitan hajat-hajatnya serta ia menjadi dalil akan pensyariatannya dan perkara ini tidak mempunyai *khilaf* dalam kalangan umat Islam sendiri. (Lihat *Tafsir Ibn ‘Asyur*, 183/24)

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Umar R.A, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الدُّعَاءَ يَنْفَعُ مِمَّا نَزَلَ وَمِمَّا لَمْ يَنْزَلْ ، فَعَلَيْكُمْ عِبَادَ
اللَّهِ بِالدُّعَاءِ

Maksudnya: “Sesungguhnya doa itu bermanfaat terhadap apa yang telah diturunkan dan apa yang belum diturunkan. Hendaklah kamu berdoa wahai hamba Allah.”

Riwayat al-Tirmizi (3548)

Dalam menghadapi musibah, doa dan permohonan kepada Allah SWT mampu menolong seseorang untuk menghadapinya. Ibn Qayyim dalam *al-Jawab al-Kafi* menyebut: “Doa merupakan ubat yang paling bermanfaat. Ia merupakan musuh bagi musibah. Ia dapat mengubati dan mengatasinya, mencegah turunnya musibah atau mengangkatnya atau meringankannya. Ia merupakan senjata orang beriman.

Doa dalam menghadapi musibah terbahagi kepada tiga tingkatan:

- Doa lebih kuat dari musibah, maka ia dapat mengusirnya.

- Doa lebih lemah dari musibah, maka musibah dapat mengalahkannya sehinggalah seseorang ditimpa musibah. Akan tetapi boleh jadi doa dapat meringankannya walaupun doanya lemah.

- Keduanya saling berlawanan antara satu sama lain, saling mencegah terjadinya pada orang tersebut. (Lihat *al-Jawab al Kafi*, hlm. 4)

Justeru, marilah sama-sama kita mengamalkan doa memohon kepada Allah SWT dalam apa jua urusan dalam kehidupan kita.



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Doa 1

Ditetapkan Islam

أَصْبَحْنَا عَلَى فِطْرَةِ الْإِسْلَامِ وَعَلَى كَلِمَةِ الْإِخْلَاصِ ،
 وَعَلَى دِينِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَعَلَى
 مِلَّةِ آبَائِنَا إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Maksudnya: “Kami hayati pagi ini di atas landasan fitrah dan perwatakan Islam, berpegang kepada kalimah ikhlas (kalimah syahadah), dan berpegang kepada agama Nabi kami Mubammad SAW yang juga agama ayah kami Ibrahim, yang berada di atas jalan yang lurus, muslim dan tidak tergolong dari kalangan orang-orang musyrik.”¹

Riwayat Ahmad (15360), (15363); al-Nasa'ie dalam *al-Sunan al-Kubra* (9831) dan al-Tabarani dalam *al-Du'a* (293)

Pada waktu petang, hendaklah ditukar lafaz “أَصْبَحْنَا” kepada “أَمْسَيْنَا”.



Doa 2

Penghulu Bagi Doa Mohon Keampunan

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَاَوْعَدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ
مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَاَبُوْءُ
بِذَنْبِيْ فَاغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ

Maksudnya: *"Ya Allah, Engkau adalah Tuhanku, tidak ada Tuhan yang berhak disembah kecuali Engkau, Engkaulah yang menciptakanku dan aku adalah hamba-Mu. Aku akan setia pada perjanjianku pada-Mu (iaitu aku akan mentaubidkan-Mu) semampuku dan aku yakin akan janji-Mu (berupa syurga untukku). Aku berlindung kepada-Mu dari kejahatan yang aku perbuat. Aku mengakui nikmat-Mu kepadaku dan aku mengakui dosaku, maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang mengampuni dosa kecuali Engkau."*²

Riwayat al-Bukhari (6306), Abu Daud (5070), al-Tirmizi (3393), Ibn Majah (3872), al-Nasa'ie dalam *al-Sunan al-Kubra* (10417) dan Ahmad (23013)

Doa 3

Mohon Keampunan

اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا وَلَا يَغْفِرُ
الدُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ ، فَاعْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ ،
وَارْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: “Ya Allah! Sungguh aku telah menzalimi diriku sendiri dengan kezaliman yang banyak, sedangkan tidak ada yang dapat mengampuni dosa-dosa kecuali Engkau. Maka ampunilah aku dengan suatu pengampunan dari sisi-Mu, dan rahmatilah aku. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”³

Riwayat al-Bukhari (7387)
dan Muslim (2705)



Doa 4


Doa Pengiktirafan

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: "Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri." ⁴

Surah al-Anbiya' (87)





Doa 5

Kelapangan Hati dan Jiwa

اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ ، وَابْنُ أُمَّتِكَ ، نَاصِيَتِي
بِيَدِكَ ، مَاضٍ فِي حُكْمِكَ ، عَدْلٌ فِي قَضَائِكَ ، أَسْأَلُكَ
بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمَّيْتَ بِهِ نَفْسَكَ ، أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا
مِنَ خَلْقِكَ ، أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ ، أَوْ اسْتَأْثَرْتَ بِهِ فِي
عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ ، أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رَبِيعَ قَلْبِي ،
وَنُورَ صَدْرِي ، وَجِلَاءَ حُزْنِي ، وَذَهَابَ هَمِّي

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku adalah hamba-Mu, anak kepada hamba-Mu, anak kepada hamba perempuan-Mu, ubun-ubunku di tangan-Mu, telah berlalunya keputusan-Mu, Engkau telah berlaku adil ke atas ku dalam keputusan-Mu, aku memohon kepada-Mu dengan setiap nama yang Engkau berikan pada diri-Mu, atau yang telah Engkau ajarkan kepada salah satu makhluk ciptaan-Mu, atau yang telah Engkau turunkan dalam kitab-Mu, atau yang telah Engkau rabsiakan dalam ilmu ghaib-Mu, (aku memohon kepada-Mu) untuk menjadikan al-Quran sebagai penyejuk hati ku, cabaya di dada ku, penghilang kesediban ku, penghapus kesusaban ku.”⁵

Riwayat Ahmad (3712), Ibn Hibban (972), Ibn Abi Syaibah dalam *al-Musannaf* (29808), al-Baihaqi dalam *al-Da'awat al-Kabir* (155), al-Tabarani dalam *al-Du'a* (1035), al-Hakim dalam *al-Mustadrak* (1/509) dan Ibn al-Sunni dalam *'Amal al-Yaum wa al-Lailah* (339)

Doa 6

Petunjuk, Ketaqwaan, Iffah dan Kekayaan

لِّلّٰهُمَّ اِنِّىْ اَسْأَلُكَ الْهُدٰى ، وَالتَّقٰى ، وَالعَفَافَ ، وَالعِغْنٰى

Maksudnya: *“Wahai Allah! Sesungguhnya aku memohon kepada-Mu petunjuk, ketakwaan, sifat ‘iffah dan kekayaan.”*⁶

Riwayat Muslim (2721), al-Tirmizi (3489), Ibn Majah (3105), Ahmad 3950) dan Ibn Hibban (900)



Doa 7

Ditunjukkan Kebenaran

اللَّهُمَّ رَبَّ جِبْرَائِيلَ، وَمِيكَائِيلَ، وَإِسْرَافِيلَ، فَاطِرَ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، أَنْتَ
تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ، اهْدِنِي لِمَا
اخْتَلَفَ فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِكَ، إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ
إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya: “Ya Allah, Tuhan Jibrail, Mikail, dan Israfil. Yang Menciptakan langit dan bumi, Yang Maha Mengetahui yang ghaib maupun yang kelihatan. Engkaulah yang Menghakimi hamba-hambaMu di dalam apa yang mereka perselisihkan. Tunjukkanlah aku dengan izinmu kepada kebenaran di dalam apa yang diperselisihkan. Sesungguhnya Engkau memberi petunjuk ke arah Sirat al-Mustaqim kepada sesiapa yang Engkau Kebendaki.”⁷

Riwayat Muslim (770), Abu Daud (676), al-Tirmizi (3420), Ibn Majah (1357), al-Baihaqi dalam *al-Sunan al-Kubra* (4854), al-Nasa’ie dalam *al-Sunan al-Kubra* (1324) dan Ahmad (25225).

Kebenaran



Doa 8

Ilmu, Rezeki dan Amalan

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا ، وَرِزْقًا طَيِّبًا ، وَعَمَلًا
مُتَقَبَّلًا

Maksudnya: “Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima.”⁸

Riwayat Ibn Majah (925), al-Nasa’ie dalam *al-Sunan al-Kubra* (9930) dan Ahmad (26602)



Doa 9

Pertolongan untuk Zikir

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ ، وَشُكْرِكَ ، وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

Maksudnya: “Ya Allah, tolonglah aku untuk zikir kepada-Mu, bersyukur kepada-Mu dan elok dalam beribadat kepada-Mu.”⁹

Riwayat Abu Daud (1522), al-Nasa'ie (1303), Ahmad (22119), al-Baihaqi dalam *al-Da'awat al-Kabir* (1/362) dan Ibn Hibban (2020)


Doa 10

‘Afiyat dan Pemeliharaan

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ، اللَّهُمَّ
 إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي
 وَمَالِي ، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي وَآمِنْ رَوْعَاتِي ، اللَّهُمَّ
 احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيْ وَمِنْ خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ
 شِمَالِي وَمِنْ فَوْقِي ، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ
 تَحْتِي

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku memohon pada-Mu keampunan dan keselamatan (‘afiyat) di dunia dan akhirat. Ya Allah, sesungguhnya aku memohon pada-Mu keampunan dan keselamatan (‘afiyat) dalam agamaku, dunia, keluarga dan hartaku. Ya Allah, tutupilah aibku dan berilah ketenteraman di hatiku. Ya Allah, jagalah aku dari depan, belakang, kanan, kiri, dan atasku, serta aku memohon perlindungan dengan keagungan-Mu agar tidak disambar dari bawahku.”¹⁰

Riwayat Abu Daud (5074),
 al-Nasa’ie (5530), Ibn Majah
 (3871), Ibn Hibban (961), Ahmad
 (4785) dan al-Bukhari dalam *al-
 Adab al-Mufrad* (1200)



Doa 11

Agar Diperbaiki Diri

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ ، أَصْلِحْ لِيْ شَأْنِيْ
كُلَّهُ ، وَلَا تَكِلْنِيْ إِلَى نَفْسِيْ طَرْفَةَ عَيْنٍ

Maksudnya: “Wabai Tuhan Yang Maha Hidup, wabai Tuhan Yang Maha Berdiri Sendiri (tidak perlu segala sesuatu), dengan rahmat-Mu aku memohon pertolongan, perbaikilah untukku urusanku semuanya dan janganlah Engkau serahkan aku kepada diriku sendiri walau sekelip mata.”¹¹

Riwayat al-Nasa’ie dalam *al-Sunan al-Kubra* (10405), al-Bazzar (6368), Ibn al-Sunni dalam *‘Amal al-Yaum wa al-Lailah* (48) dan al-Tabarani dalam *al-Mu’jam al-Awsat* (4/43)



Doa 12

Minta Kemudahan

اللَّهُمَّ لَا سَهْلَ إِلَّا مَا جَعَلْتَهُ سَهْلًا، وَأَنْتَ تَجْعَلُ
الْحَزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلًا

Maksudnya: *“Ya Allah! Tiada kemudahan kecuali apa yang Engkau jadikan sebagai kemudahan. Dan Engkaulah yang menjadikan perkara yang sukar itu jika Kamu kehendaki dengan kemudahan.”*¹²

Riwayat al-Baihaqi dalam *al-Da'awat al-Kabir* (265), Ibn Hibban (974) dan Ibn al-Sunni dalam *‘Amal al-Yaum wa al-Lailah* (351)

Doa 13

Dicukupkan Yang Halal

اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ ، وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ
عَمَّنْ سِوَاكَ

Maksudnya: *“Ya Allah, cukupkanlah aku dengan yang halal, tanpa perlu kepada yang haram. Kayakanlah aku dengan kurniaan-Mu, tanpa aku mengharapkan kepada selain-Mu.”*¹³

Riwayat Ahmad (1319), al-Tirmizi (3563), al-Baihaqi dalam *al-Da'awat al-Kabir* (177) dan al-Bazzar (563)



Doa 14

Ditetapkan Hati

يَا مُقَلَّبَ الْقُلُوبِ ، ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ

Maksudnya: “Wahai Tuhan yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku di atas agama-Mu.”¹⁴

Riwayat Imam Ahmad (26618), (12107), al-Tirmizi (3522), (2140), al-Baihaqi dalam *Syu'ab al-Iman* (757) dan al-Tabarani dalam *al-Du'a* (1261)



Doa 15

Minta Kebaikan dan Menolak Kejahatan

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ ، مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّرِّ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ ، مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا سَأَلَكَ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا عَاذَ بِهِ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَمَا قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ وَمَا قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ ، وَأَسْأَلُكَ أَنْ تَجْعَلَ كُلَّ قَضَاءٍ قَضَيْتَهُ لِي خَيْرًا

Maksudnya: “Ya Allah, aku memohon kepada-Mu semua kebaikan yang disegerakan maupun yang ditunda, apa yang aku ketabui maupun tidak aku ketabui. Aku berlindung kepada-Mu dari semua keburukan, baik yang disegerakan maupun yang ditunda, yang aku ketabui maupun yang tidak aku ketabui. Ya Allah, sungguh aku memohon kepada-Mu dari kebaikan apa yang diminta oleh hamba dan Nabi-Mu Muhammad SAW kepada-Mu dan aku berlindung kepada-Mu dari apa yang diminta perlindungan oleh hamba dan nabi-Mu. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu surga dan apa yang mendekatkan kepadanya baik berupa ucapan maupun perbuatan. Dan aku berlindung kepada-Mu dari neraka dan apa yang mendekatkan kepadanya baik berupa ucapan atau perbuatan. Dan aku memohon kepada-Mu semua takdir yang Engkau tentukan baik untukku.”¹⁵

Riwayat Ibn Majah (3846), Ahmad (25180), al-Tabarani (2/252) dan Ibn Hibban (458)




Doa 16

Ditambahkan Kebaikan

اللَّهُمَّ زِدْنَا وَلَا تَنْقُصْنَا، وَأَكْرِمْنَا وَلَا تُهِنَّا، وَأَعْظِمْنَا وَلَا
تَحْرِمْنَا، وَأَثِرْنَا وَلَا تُؤْثِرْ عَلَيْنَا، وَأَرْضِنَا وَأَرْضِ عَنَّا

Maksudnya: *“Wahai Allah! Tambahkanlah buat kami dan jangan Engkau kurangkan. Mulikanlah kami, jangan binakan kami. Berilah buat kami, jangan dicegahnya. Piliblah kami, jangan Engkau biarkan dan redhailah kami dan redhailah pula semua usaba kami.”*¹⁶

Riwayat al-Tirmizi (3173), al-Nasa’ie dalam *al-Sunan al-Kubra* (1443) dan Ahmad (223)



Doa 17

Diilhamkan Kecerdasan

اللَّهُمَّ أَهْمِنِي رُشْدِي، وَأَعِزِّنِي مِنْ شَرِّ نَفْسِي

Maksudnya: "Wahai Allah! Ilhamkanlah kepadaku kecerdasan dan petunjuk serta lindungilah aku dari kejahatan nafsuku." ¹⁷

Riwayat al-Tirmizi (3483), al-Tabarani dalam *al-Du'a* (1393), al-Bazzar (3580) dan al-Baihaqi dalam *al-Asma' wa al-Sifat* (894)



Doa 18

Penghujung Umur Yang Baik

اللَّهُمَّ اجْعَلْ خَيْرَ عُمْرِي آخِرَهُ، وَخَيْرَ عَمَلِي خَوَاتِمَهُ،
وَاجْعَلْ خَيْرَ أَيَّامِي يَوْمَ أَلْقَاكَ

Maksudnya: “Wahai Allah! Jadikanlah sebaik-baik umurku adalah pada penghujungnya, dan sebaik-baik amalanku sebagai penutupnya. Dan jadikanlah sebaik-baik bariku, adalah hari dimana daku berjumpa dengan-Mu kelak.”¹⁸

Riwayat Ibn al-Sunni dalam ‘*Amal al-Yaum wa al-Lailah*’ (121) dan al-Tabarani dalam *al-Ausat* (9411)



Doa 19

Elok Dalam Kesudahan Urusan

اللَّهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا ، وَأَجِرْنَا مِنْ
خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ

Maksudnya: “Wabai Allah! Perelokkanlah kesudahan segala urusan kami, serta lindungilah kami daripada kenistaan hidup di dunia dan seksaan hidup di akhirat.” ¹⁹

Riwayat Ahmad (17628), al-Tabarani dalam *al-Du'a* (1436), al-Baihaqi dalam *al-Da'awat al-Kabir* (269) dan al-Hakim dalam *al-Mustadrak* (6508)


Doa 20

Mohon Keselamatan

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya: “Dengan nama Allah yang dengan nama-Nya, tidak ada satu pun yang dapat memberi kemudaratkan di bumi maupun di langit. Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.” ²¹

Riwayat Abu Daud (5088), al-Tirmizi (3388), Ibn Majah (3869), al-Nasa’ie dalam *al-Sunan al-Kubra* (10178) dan Ahmad (446)



Doa 21

Diselamatkan dari Azab

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ ، وَمِنْ عَذَابِ
النَّارِ ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ
الدَّجَالِ

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada seksa kubur, daripada azab api neraka, daripada fitnah kehidupan dan kematian, dan daripada fitnah al-Masih al-Dajjal.” ²¹

Riwayat al-Bukhari (1377)
dan Muslim (1352)



Doa 22

Berlindung Dari Kejahatan

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Maksudnya: *“Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna daripada segala keburukan yang Allah SWT cipta.”* ²²

Riwayat Muslim (2709), Abu Daud (3899), al-Tirmizi (3604), al-Nasa’ie dalam *al-Sunan al-Kubra* (10421), Ibn Majah (3518) dan Ahmad (7898)



Doa 23

Berlindung Dari Empat Perkara

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ ، وَمِنْ قَلْبٍ لَا
يُخْشَعُ ، وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ ، وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا

Maksudnya: *“Wabai Allah! Aku berlindung dengan-Mu dari ilmu yang tidak bermanfaat, dari hati yang tidak khusyuk, dari nafsu yang tidak puas, dan dari doa yang tidak diterima.”* ²³

Riwayat Muslim (7081), Abu Daud (1458), al-Tirmizi (3482), al-Nasa’ie (5536), Ibn Majah (3837) Ahmad (19402) dan Ibn Hibban (1015)



Doa 24

Berlindung Dari Penyakit Kronik

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ،
وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

Maksudnya: “Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk.”²⁴

Riwayat Abu Daud (1554), Ahmad (13027), al-Nasa'ie (5493) dan Abu Ya'la (2897)

Doa 25

Diselamatkan Dari Kemungkaran

اللَّهُمَّ جَنِّبْنِي مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ ، وَالْأَهْوَاءِ ، وَالْأَسْوَاءِ
وَالْأَدْوَاءِ

Maksudnya: “Ya Allah, jauhkanlah aku daripada akhlak yang mungkar, bawa nafsu yang mungkar, juga dari segala keburukan serta dari penyakit-penyakit yang membawa kepada kebinasaan.”²⁵

Riwayat al-Tirmizi (3591), Ibn Hibban (960), al-Tabarani (19/19) dan al-Bazzar (9/155)

Doa 26

Menolak Bala

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ ، وَدَرَكِ الشَّقَاءِ ،
وَسُوءِ الْقَضَاءِ ، وَشَهَاتَةِ الْأَعْدَاءِ

Maksudnya: “Wabai Allah! Aku berlindung kepada-Mu daripada ujian yang berat, binanya kecelakaan, buruknya takdir dan kegembiraan para musuh (atas bala, ujian dan kecelakaan yang menimpa).”²⁶

Riwayat al-Bukhari (6347) dan Muslim (2707)



Doa 27

Agar Tidak Dihilangkan Nikmat

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ ، وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ ،
وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ ، وَجَمِيعِ سَخَطِكَ ،

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari hilangnya kenikmatan yang telah Engkau berikan, dari berubahnya kesibatan yang telah Engkau anugerahkan, dari seksa-Mu (bencana) yang datang secara tiba-tiba, dan dari segala bentuk kemurkaan-Mu.”²⁷

Riwayat Muslim (2739) dan Abu Daud (1545)



Doa 28

Berlindung Dari Dukacita

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ
 الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ ،
 وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari kedukaan dan kesedihan. Aku berlindung kepada-Mu dari sifat lemah dan malas. Aku berlindung kepada-Mu dari sifat pengecut dan kedekut. Dan aku berlindung kepada-Mu dari bebanan hutang dan penindasan manusia.”²⁸

Riwayat al-Bukhari (6369), Abu Daud (1555), al-Tirmizi (3484), al-Nasa’ie (5449) dan al-Baihaqi dalam *al-Da’awat al-Kabir* (305)



Doa 29

Kesabaran dan Keteguhan

رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَانصُرْنَا عَلَى
الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: *“Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah sabar kepada kami, dan teguhkanlah tapak pendirian kami serta menangkanlah kami terhadap kaum yang kafir.”* ²⁹

Surah al-Baqarah (250)



Doa 30

Mohon Bersyukur

رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ
وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَدْخِلْنِي
بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ

Maksudnya: “Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatMu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan masukkanlah daku - dengan limpah rahmatMu - dalam kumpulan bamba-bambaMu yang soleh.”³⁰

Surah al-Naml (19)



Doa 31

Mohon Hidayah

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ
رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ

Maksudnya: *“Wabai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberianNya.”*³¹

Surah Ali Imran (8)



Doa 32

Mohon Rahmah

رَبَّنَا آتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا

Maksudnya: *“Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisi-Mu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami.”* ³²

Surah al-Kahfi (10)



Doa 33

Mohon Keampunan

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا
تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ
رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Wabai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami perasaan basad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wabai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan RahmatMu.”³²

Surah al-Hasyr (10)

Doa 34

Pemimpin dan Kepimpinan Yang Baik

Untuk doa ini, kami rangkumkan semua sekali, yang telah kami siarkan dalam Qalam Mufti pada 29 Februari 2020 pada saat berlakunya kemelut politik. Antaranya:

PERTAMA

اللَّهُمَّ وَلِّ أُمُورَنَا خَيْرَانَا ، وَلَا تُؤَلِّ أُمُورَنَا شَرَّارَنَا

Maksudnya: “Ya Allah! Lantiklab untuk urusan kami (pemerintahan) orang-orang yang terbaik di kalangan kami. Janganlab Engkau lantik untuk urusan kami orang-orang yang terburuk di kalangan kami.” (Lihat *Ibtihalat wa Da’awat* oleh Dr Yusuf al-Qaradhawi, hlm. 68)



KEDUA

اللَّهُمَّ اجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ

Maksudnya: *“Ya Allah! Jadikanlah kuasa wilayah kami pada orang yang takut kepada-Mu dan bertakwa kepada-Mu, wahai Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.”*
(Lihat *Nafabat al-Minbar al-Makki*, 1/137)



KETIGA

اللَّهُمَّ لَا تُسَلِّطْ عَلَيْنَا بَدُنُونَنَا مَنْ لَا يَخَافُكَ فِينَا وَلَا
يَرْحَمُنَا

Maksudnya: *“Ya Allah! Janganlah Engkau jadikan pemimpin kami – disebabkan dosa-dosa kami – orang yang tidak takut kepada-Mu dan tidak mempunyai belas kasihan kepada kami.”*
(Lihat *al-Mustadrak ‘ala Majmu’ Fatawa*, 3/108)

KEEMPAT

اللَّهُمَّ أَبْعِدْ عَنْهُمْ بَطَانَةَ السُّوءِ وَالْمُفْسِدِينَ ، وَقَرِّبْ
إِلَيْهِمْ أَهْلَ الْخَيْرِ وَالنَّاصِحِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: *“Ya Allah! Jaubkanlah daripada mereka (para pemimpin kami) teman rapat yang jabat dan yang merosakkan. Dekatkanlah kepada mereka orang-orang yang baik dan pemberi nasihat yang baik, wabai Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.”**

* Terdapat doa yang hampir sama sepertimana doa di atas. (Lihat *Mu'amalah al-Hukkam fi Dhau' al-Kitab wa al-Sunnah*, hlm. 109)

KELIMA

اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا، وَأَرِنَا الْبَاطِلَ
بَاطِلًا، وَأَرِزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، وَلَا تَجْعَلْهُ مُلْتَبَسًا عَلَيْنَا
فَنَضِلَّ، وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Maksudnya: “Ya Allah, tunjukkanlah kepada kami kebenaran itu sebagai kebenaran, dan rezekikanlah kepada kami untuk mengikutinya. Dan tunjukkanlah kepada kami kebatilan itu sebagai kebatilan dan rezekikanlah kepada kami untuk menjaubinya, dan jangan jadikananya terkeliru atas kami sehingga kami sesat. Dan jadikanlah kami bagi orang yang bertaqwa sebagai pemimpin. (Lihat *Tafsir Ibn Katbir*, 3/75)



Doa 35

Kebaikan Dunia dan Akhirat

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً ، وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً ، وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.”³⁵

Surah al-Baqarah (201)

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٨٠﴾
وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ ﴿١٨١﴾ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ

Maksudnya: “Akuilah kesucian Tuhanmu, - Tuhan yang mempunyai keagungan dan kekuasaan, - dari apa yang mereka katakan! Dan (ucaplah) salam sejahtera kepada sekalian Rasul. Serta (ingatlah bahawa) segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam.”

Surah al-Saffat (180-182)

Nota Hujung

1. Doa ini berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Abd al-Rahman bin Abza. Beliau berkata bahawa Rasulullah SAW membaca doa ini ketika pagi dan petang. Katanya:

أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ إِذَا أَصْبَحَ وَإِذَا أَمْسَى : أَصْبَحْنَا عَلَى فِطْرَةِ الْإِسْلَامِ
وَعَلَى كَلِمَةِ الْإِخْلَاصِ وَعَلَى دِينِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَعَلَى مِلَّةِ أَبِينَا إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Maksudnya: Bahawa Nabi SAW membaca ketika pagi dan petang:

أَصْبَحْنَا عَلَى فِطْرَةِ الْإِسْلَامِ وَعَلَى كَلِمَةِ الْإِخْلَاصِ وَعَلَى دِينِ
نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَى مِلَّةِ أَبِينَا إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا
وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Riwayat Ahmad (14938) Syeikh Syu'aib al-
Arna'uth menyatakan bahawa sanad hadith
ini sahih sesuai dengan syarat al-Bukhari dan
Muslim.

Dalam riwayat yang lain, juga daripada Abd al-Rahman bin Abza, daripada Ubay bin Ka'ab R.A, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا إِذَا أَصْبَحْنَا :
(أَصْبَحْنَا عَلَى فِطْرَةِ الْإِسْلَامِ وَكَلِمَةِ الْإِخْلَاصِ وَسُنَّةِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمِلَّةَ أَبِيْنَا إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ
الْمُشْرِكِينَ) وَإِذَا أَمْسَيْنَا مِثْلَ ذَلِكَ .

Maksudnya: Adalah Rasulullah SAW mengajarkan kami (untuk membaca) ketika pagi:

أَصْبَحْنَا عَلَى فِطْرَةِ الْإِسْلَامِ وَكَلِمَةِ الْإِخْلَاصِ وَسُنَّةِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ
صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمِلَّةَ أَبِيْنَا إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ
الْمُشْرِكِينَ

Dan ketika petang hari juga (membaca demikian).

Riwayat al-Tabarani dalam *al-Du'a* (293)

Menurut Ibn Manzur, salah satu makna الفِطْرَة adalah الإبتداء والإختراع mengawali dan menciptakan. Dengan demikian perkataan الفِطْرَة boleh bermakna asal kejadian, atau penciptaan sejak lahir.

Al-Jurjani pula menjelaskan:

الفِطْرَة : الْجِبَلَّةُ الْمُتَهَيَّئَةُ لِقَبُولِ الدِّينِ

Maksudnya: *Fitrah ialah potensi dasar yang dipersiapkan untuk menerima agama. (Lihat al-Ta'rifat, 1/215)*

Ungkapan صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمِلَّةَ أَبِيْنَا إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ menurut al-Azizi bermaksud kita berada pada agama Islam yang mutlaq benar. (Lihat *al-Siraj al-Munir*, 3/126)

Manakala berkenaan ungkapan di atas kalimat *ikhlas*, Mujahid berpendapat bahawa kalimat *ikhlas* ialah لا إله إلا الله (tiada Tuhan selain Allah). (Lihat **Tafsir Mujahid**, 2/476). Imam al-Munawi pula menyatakan kalimat ikhlas ialah kalimat syahadat. (Lihat **Faidh al-Qadir**, 5/105)

2. Doa ini berdasarkan hadith riwayat Syaddad bin Aus R.A, bahawa Nabi SAW bersabda: “Penghulu bagi istighfar adalah dengan kamu mengucapkan:

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ
وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ
عَلَيَّ وَأَبُوءُ لَكَ بِذُنُوبِي فَاعْفُرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

Nabi SAW seterusnya bersabda:

وَمَنْ قَالَهَا مِنَ النَّهَارِ مُوقِنًا بِهَا فَمَاتَ مِنْ يَوْمِهِ قَبْلَ أَنْ يُمْسِيَ فَهُوَ مِنْ
أَهْلِ الْجَنَّةِ ، وَمَنْ قَالَهَا مِنَ اللَّيْلِ وَهُوَ مُوقِنٌ بِهَا فَمَاتَ قَبْلَ أَنْ يُصْبِحَ
فَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ

Maksudnya: “Sesiapa yang mengucapkannya pada siang hari dalam keadaan yakin dengan isi kandungannya, dia mati sebelum petang, maka dia termasuk dari kalangan ahli Syurga. Sesiapa yang mengucapkannya pada awal malam dalam keadaan yakin dengan isi kandungannya, dia mati sebelum datangnya pagi, dia termasuk dari kalangan ahli syurga.”

Riwayat al-Bukhari (6306)

Dalam menjelaskan hadits ini, Ibn Battal dalam *Syarah Sahih al-Bukhari* berkata: “***al-Ahd* bermaksud perjanjian yang Allah ambil daripada hamba-hambanya ketika penciptaan mereka yang mula-mula**, semasa Dia mengeluarkan mereka daripada sulbi bapa mereka (Adam) seumpama zarah dan menyaksikan mereka bersaksi atas diri mereka sendiri: “*Bukankah Aku tuhan kamu?*” Mereka semua menjawab: “*Benar (Engkaulah Tuhan kami).*” Maka mereka mengakui ketuhanan Allah ketika mereka berada dalam keadaan asal kejadian, mereka tunduk dan patuh pada sifat *Wahdaniyah*-Nya.

Manakala *al-wa`d* bermaksud janji Allah Taala kepada mereka bahawa barangsiapa dalam kalangan mereka yang mati dalam keadaan tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu pun, kemudian menunaikan apa yang telah difardukan Allah ke atasnya maka masuklah Syurga. Hendaklah setiap orang beriman itu berdoa kepada Allah Taala agar mematakannya dalam (memegang kukuh) perjanjian tadi, serta dimatikan dalam iman, supaya dapat mengecapi apa yang telah dijanjikan Allah Taala bagi sesiapa yang mengotakan yang demikian itu, kerana mengikut cara Nabi SAW apabila berdoa untuk perkara itu. Ini juga serupa dengan apa yang diminta oleh para nabi AS dalam doa-doa mereka.” (Lihat ***Syarah Sahih al-Bukhari***, 10/76)

Al-Hafiz Ibn Hajar menaqqalkan perkataan Ibn Jamrah yang menyebut bahawa di dalam hadits ini, Nabi SAW telah menghimpunkan seni makna-makna serta lafaz-lafaz yang indah dan dengan itu melayakkan ia digelar sebagai penghulu segala istighfar. Di samping itu juga, terdapat padanya ikrar kepada Allah yang Esa akan keEsaan-Nya dan juga *Ubudiyah* kepada-Nya (yang hanya berhak disembah).

Tambahan pula, di dalamnya terdapat pengiktirafan (daripada hamba) bahawa Allah adalah Pencipta dan beriqrar dengan janji yang diambil oleh Allah ke atasnya. Selain itu, berserah dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allah kepadanya serta memohon perlindungan (daripada Allah) dari segala kejahatan yang dilakukan oleh seseorang hamba itu terhadap dirinya.

Di dalamnya juga terdapat sandaran kesenangan kepada Penciptanya dan juga sandaran dosa kepada diri pelakunya serta keinginannya untuk memohon ampun dan pengiktirafan akan dosa yang telah dilakukannya bahawa tiada yang mampu untuk mengampunkan dosa-dosa tersebut melainkan Allah SWT. (Lihat **Fath al-Bari**, 11/100)

Lihat juga artikel di laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertajuk **Irsyad al-Hadith Siri Ke-168: Penghulu Segala Istighfar dan Irsyad Al-Hadith Siri Ke-458 : Maksud Perjanjian dan Janji dalam Sayyid a-Istighfar (Penghulu Istighfar)** untuk bacaan lanjut.

3. Doa ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Bakar R.A, beliau berkata kepada Rasulullah SAW:

عَلَّمَنِي دُعَاءً أَدْعُو بِهِ فِي صَلَاتِي ، قَالَ : قُلِ : اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ
نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ ، فَاعْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ
عِنْدِكَ ، وَارْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: “Ajarkanlah aku suatu doa yang boleh aku panjatkan dengannya ketika solat.” Maka Baginda SAW pun bersabda: “Bacalah:

اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ ،
فَاعْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ ، وَارْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Ya Allah! Sungguh aku telah menzalimi diriku sendiri dengan kezaliman yang banyak, sedangkan tidak ada yang dapat mengampuni dosa-dosa kecuali Engkau. Maka ampunilah aku dengan suatu pengampunan dari sisi-Mu, dan rahmatilah aku. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

Riwayat al-Bukhari (834) dan Muslim (2705)

Hadith ini menunjukkan ketika bertaubat dan memohon keampunan, hendaklah disertai dengan perakuan terhadap dosa yang telah dilakukan. Begitu juga hendaklah ketika memulakan doa, dimulakan dengan pengakuan terhadap keadaan diri yang faqir (berhajat kepada Allah SWT) dan penuh dengan dosa. Inilah antara *wasilah* dalam berdoa. (Lihat **Syarah Riyadh al-Salihin**, 6/34)

Hadith ini juga menunjukkan bahawa setiap orang pasti memiliki kekurangan, sehingga orang yang disifatkan *al-Siddiq* seperti Abu Bakar. Oleh itu, tidak sewajarnya seseorang itu lalai dari beristighfar dan memohon keampunan dari Allah SWT.

Al-Hasan al-Basri pernah berkata: “Perbanyakkanlah istighfar di rumah-rumah, di meja-meja makan, di jalan-jalan, di pertemuan-pertemuan dan di mana saja kamu berada. Sesungguhnya kamu tidak mengetahui bilakah turunnya keampunan.” (Lihat **Jami’ al-‘Ulum wa al-Hikam**, 1/481)

4. Doa ini merupakan istighfar Nabi Yunus AS yang mempunyai kelebihan tersendiri sepertimana dijelaskan oleh Nabi SAW. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Sa’ad bin Abi Waqas RA, Nabi SAW bersabda:

دَعْوَةُ ذِي النُّونِ إِذْ دَعَا وَهُوَ فِي بَطْنِ الْحُوتِ: لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ
إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ، فَإِنَّهُ لَمْ يَدْعُ بِهَا رَجُلٌ مُسْلِمٌ فِي شَيْءٍ قَطُّ إِلَّا
اسْتَجَابَ اللَّهُ لَهُ

Maksudnya: “Doa Nabi Yunus ketika baginda berdoa di dalam perut ikan paus:

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

“Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri.”

Maka sesungguhnya tidak seorang muslim itu apabila berdoa dengannya untuk sesuatu perkara (masalah) melainkan Allah SWT akan memustajabkan baginya.”

Riwayat al-Tirmizi (3505). Syeikh Syuaib al-Arna'uth berpendapat sanad hadith ini ialah *hasan*

Di dalam Tafsir Ibn Kathir ada diceritakan kisah bagaimana Nabi Yunus AS ditelan oleh ikan paus. Nabi Yunus AS telah pergi dengan menaiki kapal bersama kaumnya. Kapal tersebut dipukul ombak besar lalu mereka merasa takut kapal itu akan karam. Lalu, mereka mengundi salah seorang di antara mereka yang harus dibuang ke laut untuk meringankan bebanan kapal tersebut. Maka undian pun terkena kepada Nabi Yunus AS. Akan tetapi, mereka enggan untuk membuangnya. Lalu mereka pun mengulangnya dan undian tersebut terkena lagi kepada Nabi Yunus AS. Akan tetapi, mereka juga enggan untuk membuangnya. Lalu mereka pun mengulangnya untuk kali yang ketiga dan undian tersebut terkena juga kepada Nabi Yunus AS. (Lihat **Tafsir al-Quran al-'Azim**, 5/321)

Lihat juga artikel di laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertajuk **Al-Kafi # 581: Istighfar Nabi Yunus** untuk bacaan lanjut.

5. Doa ini berdasarkan sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud R.A, Rasulullah SAW bersabda: “Tiadalah apa-apa masalah atau kesedihan menimpa seseorang, lalu orang itu membaca:

اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ ، وَابْنُ عَبْدِكَ ، وَابْنُ أَمَتِكَ ، نَاصِيَتِي بِيَدِكَ ، مَا ضُرَّ
فِي حُكْمِكَ ، عَدْلٌ فِي قَضَاؤِكَ ، أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمَّيْتَهُ بِهِ
نَفْسِكَ ، أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ ، أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ ، أَوْ
اسْتَأْثَرْتَهُ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ ، أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رَبِيعَ قَلْبِي ،
وَنُورَ صَدْرِي ، وَجِلَاءَ حُزْنِي ، وَذَهَابَ هَمِّي ،

Maksudnya: “*Ya Allah, sesungguhnya aku hamba-Mu, anak kepada hamba-Mu, anak kepada hamba perempuan-Mu, ubun-ubunku di tangan-Mu, telah berlalunya keputusan-Mu, Engkau telah berlaku adil ke atas ku dalam keputusan-Mu, aku memohon kepada-Mu dengan setiap nama yang Engkau berikan pada diri-Mu, atau yang telah Engkau ajarkan kepada salah satu makhluk ciptaan-Mu, atau yang telah Engkau turunkan dalam kitab-Mu, atau yang telah Engkau rabsiakan dalam ilmu ghaib-Mu, (aku memohon kepada-Mu) untuk menjadikan al-Quran sebagai penyejuk hati ku, cahaya di dada ku, penghilang kesedihan ku, penghapus kesusahan ku,*”

(Apabila seseorang membaca seperti ini) pasti Allah akan menghapuskan kesusahan dan kesedihannya, dan menjadikan untuknya jalan keluar. Abdullah bin Mas'ud R.A bertanya: “*Ya Rasulullah, perlukah aku mempelajari doa ini?*” Baginda SAW menjawab: “*Ya, sudah sepatutnya sesiapa yang mendengarnya untuk mempelajarinya.*”

Hadith ini mengandung beberapa perkara, antaranya seperti *makrifah* (pengetahuan), tauhid dan ubudiyah. (Lihat *al-Fawa'id*, hlm. 16)

Maksud ungkapan “Sesungguhnya aku ialah hamba-Mu”, adalah berpegang teguh dengan (sikap) penghambaan kepada-Nya, yang mencakupi kerendahan (diri), kepasrahan, *inabah* (kembali kepadaNya), menjalankan perintah-Nya, menjauhi larangan-Nya, selalu merasa fakir kepada-Nya, bersandar kepada-Nya, memohon pertolongan, tawakkal kepada-Nya, berlindung kepada-Nya, dan hendaklah hati tidak bergantung dengan selain-Nya dengan kecintaan, ketakutan dan pengharapan. (Lihat *al-Tuhfah*, hlm. 140)

6. Doa ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Mas'ud R.A, beliau berkata:

أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ : اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَى ، وَالتُّقَى ، وَالْعَفَافَ ، وَالْغِنَى

Maksudnya: “Nabi SAW biasa membaca doa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَى ، وَالتُّقَى ، وَالْعَفَافَ ، وَالْغِنَى

Riwayat Muslim (2721)

Imam al-Nawawi menjelaskan: “ ‘*Afaf* dan ‘*iffah* bermaksud menjauhan dan menahan diri dari perkara yang tidak dibolehkan. Manakala *al-ghina* (الغنى) ialah hati yang selalu merasa cukup dan tidak berhajat kepada apa yang ada di sisi manusia. (Lihat *al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim Ibn al-Hajaj*, 17/41)

Mulla 'Ali al-Qari menjelaskan: "*al-Huda* (الهُدَى) bermaksud hidayah yang sempurna. *Al-Tuqa* (التَّقَى) ertinya ketakwaan yang menyeluruh. *Al-'Afaf* (الْعَفَافُ) bermaksud *al-kafaf* (kecukupan rezeki). Sebahagian ulama menyebut, ertinya adalah al-'iffah (terpeliharanya diri dari maksiat). Sebahagian ulama' menyebut, ertinya keterpeliharaan diri dari yang haram. Dinukilkan dari Abu al-Futuh al-Naisaburi, katanya: "*Al-'Afaf* (الْعَفَافُ) bermaksud kesolehan jiwa dan hati." Manakala *al-ghina* (الْغِنَى) bererti kekayaan hati, iaitu merasa cukup dari apa yang ada pada manusia. (Lihat *Mirqat al-Mafatih*, 5/1721)

Ibn 'Allan al-Syafi'e menyebut: "*Al-'Afaf* (الْعَفَافُ) bermaksud terhindar daripada segala maksiat dan keburukan. *Al-ghina* (الْغِنَى) pula bererti tidak ada perasaan berhajat kepada makhluk. (Lihat *Dalil al-Falihin*, 7/275)

7. Doa ini berdasarkan kepada hadith Abi Salamah bin Abd al-Rahman bin Auf, katanya: "Aku bertanya kepada 'Aisyah Ummu al-Mukminin:

بِأَيِّ شَيْءٍ كَانَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَفْتَتِحُ صَلَاتَهُ إِذَا قَامَ مِنَ
اللَّيْلِ؟ قَالَتْ: كَانَ إِذَا قَامَ مِنَ اللَّيْلِ افْتَتَحَ صَلَاتَهُ: اللَّهُمَّ! رَبَّ
جِبْرَائِيلَ، وَمِيكَائِيلَ، وَإِسْرَافِيلَ، فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ
الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، أَنْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ، اهْدِنِي
لِمَا اخْتَلَفَ فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِكَ، إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ
مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya: Dengan apakah Rasulullah SAW membuka solatnya apabila bangun di malam hari? 'Aisyah menjawab: Apabila bangun malam, Baginda membuka solatnya dengan membaca:

اللَّهُمَّ! رَبَّ جِبْرَائِيلَ، وَمِيكَائِيلَ، وَإِسْرَافِيلَ، فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ،
عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، أَنْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ،
اهْدِنِي لِمَا اخْتَلَفَ فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِكَ، إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ
مُسْتَقِيمٍ

Ya Allah, Tuhan Jibrail, Mikail, dan Israfil. Yang Menciptakan langit dan bumi, Yang Maha Mengetahui yang ghaib mahupun yang kelihatan. Engkaulah yang Menghakimi hamba-hambaMu di dalam apa yang mereka perselisihkan. Tunjukkanlah aku dengan izinmu kepada kebenaran di dalam apa yang diperselisihkan. Sesungguhnya Engkau memberi petunjuk kearah Sirat al-Mustaqim kepada sesiapa yang Engkau Kehendaki.

Riwayat Muslim (770), Abu Daud (676)
dan al-Tirmizi (3420)

Imam Nawawi menyebut bahawa para ulama' berkata, dikhususkan dengan sebutan mereka (Jibril, Mika'il, Israfil) sekalipun Allah SWT Tuhan kepada seluruh makhluk adalah bagi menunjukkan sifat dan tanda-tanda keagungan SWT serta besarnya kekuasaan dan kerajaan-Nya. Selain itu, bagi menunjukkan kemuliaan dan kelebihan mereka di atas selainnya. (Lihat *al-Minhaj*, 5/50 dan *Ikmal al-Mu'lim*, 3/133)

Maksud ungkapan "فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ" adalah dari apa yang mereka perselisihkan dari urusan agama dalam kehidupan dunia mereka. Dan tunjukkanlah kepada yang haq dan benar dalam perselisihan ini, dengan taufik-Mu. (Lihat '*Aun al-Ma'bud*, 2/334 dan *Mirqat al-Mafatih*, 3/916)

8. Doa ini berdasarkan kepada hadits yang diriwayatkan daripada Ummi Salamah, katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ إِذَا صَلَّى الصُّبْحَ حِينَ يُسَلِّمُ
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا وَرِزْقًا طَيِّبًا وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Maksudnya: “Bahawa Nabi SAW apabila Baginda solat Subuh, ketika memberi salam, Baginda membaca:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا ، وَرِزْقًا طَيِّبًا ، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

“Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima.

Riwayat Ibn Majah (925)

Dalam hadits yang lain, Nabi SAW jelas menyuruh kita memohon kepada Allah SWT agar diberikan ilmu yang bermanfaat. Daripada Jabir R.A, Rasulullah SAW bersabda:

سَلُوا اللَّهَ عِلْمًا نَافِعًا، وَتَعَوَّذُوا بِاللَّهِ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ

Maksudnya: “*Mohonlah kamu semua kepada Allah akan ilmu yang bermanfaat dan berlindunglah dengan Allah daripada ilmu yang tidak bermanfaat.*”

Riwayat Ibn Majah (3843), al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman (3/276), Ibn Abi Syaibah (27248) dan Abu Ya'la (1927)

Al-Hasan al-Basri berkata: “Ilmu ada dua; Ilmu di lisan dan ilmu di hati. Ilmu di hati adalah ilmu yang bermanfaat, sedangkan ilmu di lisan adalah hujah Allah SWT atas anak Adam.” (Lihat **al-Musannaf** oleh Ibn Abi Syaibah, 13/235)

Manakala maksud rezeki yang baik adalah rezeki yang halal sepertimana disebut oleh Syekh Sa'id bin Ali bin Wahf al-Qahtani. (Lihat **Syarh Hisn al-Muslim min Azkar al-Kitab wa al-Sunnah**, hlm. 129)

9. Doa ini berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan daripada Muaz bin Jabal R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أُوصِيكَ يَا مُعَاذُ لَا تَدَعَنَّ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ تَقُولُ اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ
وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

Maksudnya: “Aku berpesan kepadamu wahai Muaz, janganlah engkau meninggalkan pada penghujung setiap solat dari membaca: “Ya Allah bantulah aku untuk mengingati-Mu, bersyukur kepada-Mu, dan elok dalam beribadah kepada-Mu.”

Riwayat Abu Daud (1552)

Syeikh al-'Azim Abadi menjelaskan, dalam doa ini kita memohon kepada Allah SWT agar kita dapat mentaati-Nya melalui lisan, hati dan perbuatan tubuh badan. (Lihat **'Aun al-Ma'bud**, 4/385)

10. Doa ini berdasarkan kepada sebuah hadits riwayat Ibn Umar R.Anhuma, katanya:

لَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْعُ هَؤُلَاءِ الدَّعَوَاتِ ، حِينَ
يُمْسِي ، وَحِينَ يُصْبِحُ : اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ،
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي ، اللَّهُمَّ
اسْتُرْ عَوْرَتِي ، وَقَالَ عُثْمَانُ : عَوْرَاتِي وَأَمِنْ رَوْعَاتِي ، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ
بَيْنِ يَدَيْ ، وَمِنْ خَلْفِي ، وَعَنْ يَمِينِي ، وَعَنْ شِمَالِي ، وَمِنْ فَوْقِي ،
وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي

Maksudnya: “Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan zikir-zikir ini ketika waktu petang dan pagi... (Lalu beliau menyebut doa seperti di atas). (Riwayat Abu Daud, 5074)

Imam al-Nawawi berkata: “Lafaz ‘*afiyah* adalah satu lafaz yang umum dan terkandung di dalamnya menolak segala perkara yang tidak baik pada badan dan batin, pada agama sama ada di dunia dan juga di akhirat.” (Lihat *al-Minhaj Syarah Sahih Muslim*, 46/12)

Al-Munawi berkata, *al-‘Afiyah* adalah keselamatan (kesejahteraan) daripada penyakit-penyakit dan bala. Ia juga menghimpunkan di antara dua kesejahteraan iaitu di dunia dan agama. Selain itu, ‘*afiyah* akan menolak penyakit-penyakit dunia yang ada di hati dan juga yang berada di badan. (Lihat *Faidh al-Qadir*, 107/4)

Menurut Syeikh al-Mubarakfuri, makna *al-‘Afiyah* adalah benteng Allah buat hamba-Nya. Maka orang yang memohonnya adalah seseorang yang

sedang memohon pemeliharaan daripada Tuhannya di atas setiap perkara yang diniatkan itu. (Lihat **Tuhfah al-Ahwazi**, 348/9)

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Umar R.Anhuma, beliau berkata:

لَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْعُ هَوْلَاءِ الدَّعَوَاتِ، حِينَ يُمَسِّي، وَحِينَ يُصْبِحُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan doa tersebut ketika petang dan pagi iaitu:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya: “*Ya Allah aku memohon kepada-Mu keselamatan di dunia dan akhirat*”.

Riwayat Abu Daud (5074). Menurut Syeikh Syuaib al-Arna'uth, sanad hadith ini adalah *sahih*.

Syeikh Abu al-Hasan al-Mubarakfuri menjelaskan, maksud keselamatan (العافية) di dalam hadith tersebut adalah keselamatan daripada perkara-perkara yang merosakkan agama serta kesusahan dunia. Dikatakan juga, keselamatan daripada penyakit-penyakit dan bala-bala. (Lihat **Mir'ah al-Mafatih**, 8/139)

Lihat juga artikel di laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertajuk **Irsyad Al-Hadith Siri Ke-260: Doa Berkenaan Al-'Afiyah** (العافية) untuk bacaan lanjut.

11. Doa ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik R.A, dia berkata bahawa Nabi SAW telah bersabda kepada Fatimah R.Anha (puteri Baginda):

مَا يَمْنَعُكَ أَنْ تَسْمَعِي مَا أَوْصِيكَ بِهِ ، أَنْ تَقُولِي إِذَا أَصْبَحْتَ وَإِذَا
أَمْسَيْتِ : يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ ، أَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ ، وَلَا
تَكْلِنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ

Maksudnya: “Apa yang menghalangi engkau daripada mendengar kepada apa yang aku wasiatkan kepada engkau, iaitu hendaklah engkau membaca pada waktu pagi dan petang:

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ ، أَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ ، وَلَا تَكْلِنِي
إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ

Maksudnya: *Wahai Tuhan yang Maha Hidup dan Tuhan yang Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu aku memohon pertolongan. Perelokkanlah segala urusanku. Janganlah engkau serahkan diri ini kepada diriku sendiri walau sekelip mata (tanpa mendapat pertolongan dari-Mu).*

Riwayat al-Nasa'ie dalam *al-Sunan al-Kubra* (381), Ibn al-Sunni dalam *'Amal al-Yaum wa al-Lailah* (46) dan al-Bazzar (3107).

Imam al-Syaukani dalam kitabnya *Tuhfah al-Zakirin* menjelaskan: “Hadith ini merupakan *jawami' al-kalim* (kalimat yang singkat, namun padat makna), kerana doa memohon kebaikan segala urusan yang mencakupi seluruh urusan dunia dan akhirat. Tidak ada yang terkeluar daripadanya.

Sehingga menjadi beruntunglah orang yang Allah SWT kabulkan doanya ini, iaitu dengan diberikan kebaikan dunia dan akhirat. Lebih dari itu, kita diajarkan dalam hadith tersebut untuk menyerahkan dengan pasrah segala urusan kepada Allah. Dan ini termasuk tingkatan dan jenis iman paling tinggi.” (Lihat **Tuhfah al-Zakirin**, hlm. 86)

Terdapat juga doa yang lafaz hampir sama dengan lafaz di atas, iaitu dalam hadith yang diriwayatkan daripada Abu Bakrah R.A, bahawa Nabi SAW bersabda:

دَعَوَاتُ الْمَكْرُوبِ اللَّهُمَّ رَحْمَتِكَ أَرْجُو فَلَا تَكِلْنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ
وَأَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ

Maksudnya: “Doa ketika resah atau dirundung duka:

اللَّهُمَّ رَحْمَتِكَ أَرْجُو فَلَا تَكِلْنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ وَأَصْلِحْ لِي شَأْنِي
كُلَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ

Maksudnya: “*Ya Allah, dengan rahmat-Mu aku berbarap. Janganlah Engkau sandarkan urusanku pada diriku walau sekelip mata. Perbaikilah segala urusanku seluruhnya. Tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau.*”

Riwayat Abu Daud (5090) dan Ahmad (5/42).
Syeikh Syu'aib al-Arnauth menyatakan bahawa sanad hadis ini *hasan*.

Imam al-Munawi menjelaskan: “Sesiapa yang mentauhidkan Allah SWT dan mengagungkan-Nya, kemudian disertai dengan berkumpulnya tekad dan hadirnya hati, maka akan dilenyapkan baginya kesulitan di dunia

serta diturunkan rahmat dan diangkat darjatnya di akhirat.” (Lihat **Faidh al-Qadir**, 3/526)

12. Ini adalah doa Rasulullah SAW yang *ma'thur*. Daripada Anas R.A, Rasulullah SAW membaca:

اللَّهُمَّ لَا سَهْلَ إِلَّا مَا جَعَلْتَهُ سَهْلًا، وَأَنْتَ تَجْعَلُ الْحَزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلًا

Maksudnya: *Ya Allah! Tiada kemudahan kecuali apa yang Engkau jadikan sebagai kemudahan. Dan Engkau lah yang menjadikan perkara yang sukar itu jika Kamu kehendaki dengan kemudahan.*

Riwayat al-Baihaqi dalam *al-Da'awat al-Kabir* (265), Ibn Hibban (974) dan Ibnu al-Sunni dalam *'Amal al-Yaum wa al-Lailah* (351)

Syeikh Mulla 'Ali al-Qari Rahimahullah berkata: Di dalam **al-Qamus**, *al-Hazn* (الْحَزْنُ) bermaksud tanah tinggi yang keras dan kasar.

Manakala *al-Sahl* (السَّهْلُ) ialah lawan kepada *al-Hazn* (الْحَزْنُ). (Lihat **Mirqat al-Mafatih Syarh Misykat al-Masabih**, 7/3010)

Ibn Manzur Rahimahullah berkata:

وَالْحَزْنُ: الْمَكَانُ الْغَلِيظُ، وَهُوَ الْخَشِنُ

Maksudnya: *Al-Hazn* (الْحَزْنُ) ialah tempat / tanah yang kasar dan keras.

Imam Abu Hanifah Rahimahullah berkata:

الْحَزْنُ حَزْنُ بَنِي يَرْبُوعٍ، وَهُوَ قَفٌّ غَلِيظٌ مَسِيرٌ ثَلَاثَ لَيَالٍ فِي مِثْلِهَا، وَهِيَ
بَعِيدَةٌ مِنَ الْمِيَاهِ

Maksudnya: *Al-Hazn* (الْحَزْنُ) dikatakan *Haznu Bani Yarbu'* (حَزْنُ بَنِي يَرْبُوعٍ) iaitu tempat/tanah tinggi dan keras batu-batanya, mengambil masa tiga hari perjalanan untuk melepaskannya. Tempat yang jauh daripada air. (Lihat *Lisan al-Arab*, 2/430)

Berdasarkan kenyataan di atas, asal perkataan *al-hazn* (الْحَزْنُ) adalah tempat tinggi, sukar dan payah. Justeru, maksud *al-hazn* (الْحَزْنُ) di sini dengan melihat *siyaqi hadith*, ia dipindahkan daripada makna zahir kepada makna *kinayah* iaitu kesukaran dalam sesuatu perkara. Ini berdasarkan kepada muqaddimah hadith dan juga kesudahannya.

13. Doa ini berdasarkan kepada sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Wa'il bahawa seorang hamba *mukatab* (yang boleh menebus dirinya jika dia membayar sejumlah wang kepada tuannya) bertemu dengan Ali R.A. Hamba ini berkata kepada Ali: “*Sesungguhnya aku tidak mampu untuk membayar tebusan kepada tuan aku.*”

Saidina Ali R.A lalu berkata: “Mahukah aku ajarkan kepada kamu beberapa perkataan yang diajarkan oleh Rasulullah SAW kepadaku, jika engkau sebutkannya, jika engkau mempunyai hutang sebesar bukit Sobir maka Allah SWT akan menunaikan hutang tersebut bagi kamu. Katakanlah:

اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ ، وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ

Maksudnya: *Ya Allah, cukupkanlah aku dengan yang halal, tanpa perlu kepada yang haram. Kayakanlah aku dengan kurniaan-Mu, tanpa aku mengharapkan kepada selain-Mu.*

Riwayat al-Tirmizi (3563), Ahmad (1319)

Imam al-Munawi menyebut: *Sesiapa yang menyebutnya dengan niat yang tulus, akan mendapat kesan pengabulan dengan segera.* (Lihat **al-Taisir bi Syarh al-Jami' al-Saghir**, 1/809)

14. Doa ini merupakan antara doa yang sering dibacakan oleh Rasulullah SAW. Ini berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan daripada Anas R.A, beliau berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكْثِرُ أَنْ يَقُولَ: يَا مُقَلَّبَ الْقُلُوبِ
تَبَّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَمَّا بِكَ وَبِمَا جِئْتَ بِهِ
فَهَلْ تَخَافُ عَلَيْنَا؟ قَالَ: نَعَمْ، إِنَّ الْقُلُوبَ بَيْنَ أَصْبَعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ اللَّهِ
يُقَلِّبُهَا كَيْفَ يَشَاءُ.

Maksudnya: Rasulullah SAW selalu mengucapkan:

يَا مُقَلَّبَ الْقُلُوبِ تَبَّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ

(Wahai Zat yang membolak-balikkan hati, teguhkanlah hatiku di atas agama-Mu)

Kemudian aku pun bertanya: “Wahai Rasulullah, kami beriman kepadamu dan kepada apa yang engkau bawa, lalu apakah engkau masib risau kepada kami?” Baginda menjawab: “Ya, kerana sesungguhnya hati manusia berada di antara dua genggam tangan (kekuasaan) Allah yang Dia bolak-balikkan menurut yang dikehendaki-Nya.”

Riwayat Imam Ahmad (12107), al-Tirmizi (2140), al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman (757) dan al-Tabarani dalam al-Du'a (1261)

Begitu juga, perkara ini turut dinyatakan oleh Ummu Salamah R.Anha. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Syahr bin Hausyab, beliau berkata:

قُلْتُ لِأُمِّ سَلَمَةَ: يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ مَا كَانَ أَكْثَرَ دُعَاءِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ عِنْدَكَ؟ قَالَتْ: كَانَ أَكْثَرَ دُعَائِهِ: يَا مُقَلَّبَ الْقُلُوبِ ثَبَّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ قَالَتْ: فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا لِأَكْثَرِ دُعَائِكَ يَا مُقَلَّبَ الْقُلُوبِ ثَبَّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ؟ قَالَ: يَا أُمَّ سَلَمَةَ إِنَّهُ لَيْسَ أَدَمِيٌّ إِلَّا وَقَلْبُهُ بَيْنَ أَصْبَعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ اللَّهِ، فَمَنْ شَاءَ أَقَامَ، وَمَنْ شَاءَ أَرَاغَ.

Maksudnya: “Aku pernah bertanya kepada Ummu Salamah: “Wahai Ummul Mukminin! Apakah doa Rasulullah SAW yang paling banyak apabila Baginda SAW berada bersamamu?” Beliau menjawab: “Doa Baginda SAW yang paling banyak adalah:

يَا مُقَلَّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ

(“Wahai Tuhan yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku di atas agama-Mu.”)

Ummu Salamah menyebut: “Aku berkata kepada Rasulullah SAW; “Wahai Rasulullah! Betapa kerap engkau berdoa: “يَا مُقَلَّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ”. Lalu Baginda SAW menjawab: “Wahai Ummu Salamah! Sesungguhnya tidak ada seorang anak Adam pun melainkan hatinya berada di dalam genggaman kekuasaan Allah. Barangsiapa yang Allah kehendaki, maka Dia akan meluruskannya dan barangsiapa yang Allah kehendaki maka Dia akan membelokkannya.”

Riwayat Imam Ahmad (26618)
dan al-Tirmizi (3522)

Lihat juga artikel di laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertajuk ***al-Kafi #856: Doa yang Kerap Dibaca oleh Nabi SAW*** untuk bacaan lanjut.

15. Doa ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Saidatina ‘Aisyah R.Anha, di mana beliau berkata bahawa Rasulullah SAW mengajarkan kepada beliau doa ini.

Imam al-Munawi dalam menjelaskan hadith tersebut, telah menukilkan bahawa al-Hulaimi berkata: “Ini termasuk kata-kata yang ringkas dan padat, di mana *Syari’* menganjurkan untuk berdoa dengannya. Ini kerana ketika dia berdoa dengannya, maka dia telah memohon kepada Allah semua kebaikan dan dia berlingung kepada-Nya daripada segala kejahatan.” (Lihat ***Faidh al-Qadir***, 2/162)

16. Doa ini berdasarkan hadits daripada Umar bin al-Khattab R.A, katanya:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أُنْزِلَ عَلَيْهِ الْوَحْيُ سَمِعَ عِنْدَ وَجْهِهِ
كَدَوِيَّ النَّحْلِ ، فَأُنْزِلَ عَلَيْهِ يَوْمًا فَمَكَّنَّا سَاعَةً ، فَسُرِّيَ عَنْهُ فَاسْتَقْبَلَ
الْقِبْلَةَ وَرَفَعَ يَدَيْهِ وَقَالَ : اللَّهُمَّ زِدْنَا وَلَا تَنْقُصْنَا ، وَأَكْرِمْنَا وَلَا تُهِنَّا ،
وَأَعْطِنَا وَلَا تَحْرِمْنَا ، وَآثِرْنَا وَلَا تُؤْثِرْ عَلَيْنَا ، وَارْضِنَا وَارْضَ عَنَّا ، ثُمَّ
قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أُنْزِلَ عَلَيَّ عَشْرُ آيَاتٍ ، مَنْ أَقَامَهُنَّ دَخَلَ
الْجَنَّةَ ، ثُمَّ قَرَأَ : قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ حَتَّى خَتَمَ عَشْرَ آيَاتٍ

Maksudnya: Apabila diturunkan wahyu kepada Nabi SAW, maka terdengar suara seperti suara dengungan lebah di wajah Baginda. Pada suatu hari, diturunkan wahyu kepada Baginda, lalu kami diam sejenak. Kemudian, Baginda kelihatan gembira lalu menghadap kiblat dan berdoa:

اللَّهُمَّ زِدْنَا وَلَا تَنْقُصْنَا ، وَأَكْرِمْنَا وَلَا تُهِنَّا ، وَأَعْطِنَا وَلَا تَحْرِمْنَا ، وَآثِرْنَا وَلَا
تُؤْثِرْ عَلَيْنَا ، وَارْضِنَا وَارْضَ عَنَّا

(“Wabai Allah! Tambahkanlah buat kami dan jangan Engkau kurangkan. Muliakanlah kami, jangan binakan kami. Berilah buat kami kebaikan, jangan cegahny. Pilihlah kami, jangan Engkau biarkan dan redhailah kami dan redhailah pula semua usaha kami.”)

Setelah itu, Nabi SAW bersabda: “Sepuluh ayat diturunkan padaku. Barangsiapa melaksanakannya akan masuk syurga.” Baginda kemudian membaca (ayat-ayat dari surah al-Mukminun): “قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ” (*Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman..*) sehingga sepuluh ayat.

Al-San’ani dalam menjelaskan doa di atas, antara lain menyebut: Maksud “اللَّهُمَّ زِدْنَا” adalah tambahkanlah kami daripada segala kebaikan sama ada dalam perkara agama atau duniawi. Manakala maksud ungkapan “أَكْرِمْنَا وَلَا تُهِنَّا” adalah muliakanlah kami dengan ketaatan kepada-Mu dan jangan hinakan kami dengan maksiat terhadap-Mu. Sesungguhnya ketaatan merupakan faktor kemuliaan di dunia dan akhirat, manakala maksiat merupakan faktor kehinaan pada kedua-duanya. (Lihat *al-Tanwir Syarh al-Jami’ al-Saghir*, 3/100)

17. Doa ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Imran bin Husain R.A, bahawa Nabi SAW pernah mengajar bapanya, dua kalimat yang dibaca di dalam doa:

اللَّهُمَّ أَهْمِنِي رُشْدِي، وَأَعِزِّي مِنْ شَرِّ نَفْسِي

Maksudnya: “Wabai Allah! Ilhamkanlah kepadaku kecerdasan dan lindungilah aku daripada kejahatan nafsuku.”

Syeikh al-Mubarakfuri menyebut, yakni berikanlah taufik padaku kepada *al-rusyd* iaitu petunjuk kepada kebaikan. Dan lindungilah aku daripada kejahatan nafsuku, yakni peliharalah aku daripada kejahatannya di mana ia adalah tempat tumbuhnya perkara-perkara yang keji. (Lihat *Tuhfah al-Ahwazi*, 9/455)

18. Doa ini berdasarkan hadits yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik R.A, katanya:

كَانَ يَقُولُ إِذَا انْصَرَفَ مِنَ الصَّلَاةِ: اللَّهُمَّ اجْعَلْ خَيْرَ عُمْرِي آخِرَهُ،
وَخَيْرَ عَمَلِي خَوَائِمَهُ، وَاجْعَلْ خَيْرَ أَيَّامِي يَوْمَ أَلْقَاكَ

Maksudnya: Baginda SAW menyebut ketika selesai daripada solat:

اللَّهُمَّ اجْعَلْ خَيْرَ عُمْرِي آخِرَهُ، وَخَيْرَ عَمَلِي خَوَائِمَهُ، وَاجْعَلْ خَيْرَ
أَيَّامِي يَوْمَ أَلْقَاكَ

(“Wahai Allah! Jadikanlah sebaik-baik umurku adalah pada penghujungnya, dan sebaik-baik amalanku sebagai penutupnya. Dan jadikanlah sebaik-baik hariku, adalah hari dimana daku berjumpa dengan-Mu kelak.”)

Riwayat Ibn al-Sunni dalam ‘*Amal al-Yaum wa al-Lailah* (121) dan al-Tabarani dalam *al-Ausat* (9411)

19. Doa ini berdasarkan sebuah hadits daripada Busr bin Arthah al-Qurasyi R.A, beliau mendengar Rasulullah SAW pernah berdoa:

اللَّهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا، وَأَجِرْنَا مِنْ خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ
الْآخِرَةِ

Maksudnya: *“Wabai Allah! Perelokkanlah kesudaban segenap urusan kami, serta lindungilah kami daripada kenistaan hidup di dunia dan seksaan hidup di akhirat.”*

Riwayat Ahmad (17628), al-Tabarani dalam al-Du'a (1436), al-Baihaqi dalam al-Da'awat al-Kabir (269) dan al-Hakim dalam al-Mustadrak (6508)

Imam al-Munawi menyebut bahawa maksudnya ialah jadikanlah akhir bagi setiap amalan kami dengan kebaikan kerana sesungguhnya amalan itu adalah berdasarkan pengakhirannya. Maksud “خزي الدنيا” (kenistaan hidup di dunia) adalah perkara yang keji darinya, musibahnya dan tipudayanya. (Lihat **Faidh al-Qadir**, 8/263)

Ungkapan “الأمر كلها” (segala urusan) merangkumi urusan-urusan agama dan dunia. Ini adalah seumum-umum doa dari sudut *syumulnya* bagi memohon kebaikan dunia dan akhirat. (Lihat **al-Tanwir Syarh al-Jami' al-Saghir**, 3/92)

20. Doa ini diriwayatkan oleh Uthman bin Affan R.A. Beliau berkata: “Aku mendengar Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَالَ بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ، فِي الْأَرْضِ، وَلَا فِي السَّمَاءِ،
وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَمْ تُصِبْهُ فَجَاءَةٌ بَلَاءٍ، حَتَّى يُصْبِحَ، وَمَنْ
قَالَهَا حِينَ يُصْبِحُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَمْ تُصِبْهُ فَجَاءَةٌ بَلَاءٍ حَتَّى يُمْسِيَ

Maksudnya: Sesiapa yang membaca:

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

“Dengan nama Allah yang dengan nama-Nya, tidak ada satu pun yang dapat memberi kemudharatan di bumi mahupun di langit, Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”

sebanyak tiga kali, maka dia tidak akan ditimpa bala yang datang secara tiba-tiba sehingga subuh. Dan barangsiapa yang membacanya ketika subuh sebanyak tiga kali, maka dia tidak akan ditimpa bala yang datang secara tiba-tiba sehingga petang (malam).”

Riwayat Abu Daud (5088), al-Tirmizi (3388), Ibn Majah (3869), al-Nasa'ie dalam al-Sunan al-Kubra (10178) dan Ahmad (446). Menurut Syeikh Syuaib al-Arna'uth, hadith ini adalah *hasan*.

Di dalam hadith ini dinyatakan akan kelebihan orang yang membaca doa ini pada awal siang hari dan awal malam hari. Doa tersebut dimulakan dengan menyebut nama Allah bagi memohon perlindungan-Nya daripada segala keburukan yang mana tidak akan memberi mudarat sesuatu pun dengan nama Allah apabila ia diucapkan dengan pegangan yang betul dan niat yang ikhlas. Adapun, kita bukan sahaja memohon perlindungan daripada keburukan dari bumi sahaja, bahkan juga keburukan dari langit iaitu apa-apa yang turun dari langit. Tambahan pula, Allah SWT bersifat Maha mendengar iaitu akan ucapan-ucapan kita dan Allah juga bersifat Maha Mengetahui akan keadaan kita. (Lihat **Tuhfah al-Ahwazi**, 9/234)

Di samping itu juga, tidak memberi mudharat dengan nama-Nya di dalam doa ini juga membawa maksud bahawa penduduk bumi berada di dalam keadaan aman dan selamat disebabkan keberkatan nama Allah SWT serta keterikatan dengan-Nya. Samalah keadaannya kepada

penduduk di langit bilamana mereka melazimi nama Allah SWT dalam setiap perkara. (Lihat **Syarah Hisn al-Muslim**, hlm. 149)

Lihat juga artikel di laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertajuk **Irsyad al-Hadith Siri ke-463: Maksud Doa Tolak Waba' (Siri 1)** untuk bacaan lanjut.

21. Doa ini berdasarkan hadith daripada Abu Hurairah R.A, katanya: Rasulullah SAW berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ ، وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا
وَالْمَمَاتِ ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

Maksudnya: *“Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada seksa kubur, daripada azab neraka, daripada fitnah kehidupan dan kematian, dan daripada fitnah al-Masih al-Dajjal.”*

Riwayat al-Bukhari (1377) dan Muslim (1352)

Imam al-Nawawi menyebut: Hadith ini menunjukkan *thabitnya* azab kubur dan fitnahnya. Inilah mazhab yang benar berbanding dengan pegangan mazhab Muktaizilah. (Lihat **al-Minhaj Syarah Sahih Muslim**, 5/85)

Berkenaan maksud fitnah, al-Azhari menyebut: “Inti makna fitnah di dalam bahasa Arab terkumpul pada makna cubaan dan ujian.” (Lihat **Tahzib al-Lughah**, 14/296 dan **Mu'jam Maqayis al-Lughah**, 4/472)

Ibn al-Athir pula berkata: “(Perkataan fitnah) banyak penggunaannya dalam perkara yang tidak disukai. Kemudian ia banyak digunakan untuk makna-makna; dosa, kekafiran, perang, pembakaran, penghilangan dan memalingkan sesuatu.” (Lihat **al-Nihayah**, 3/410)

Ibn al-A'rabi pula telah menjelaskan dengan meringkaskan makna-makna fitnah, iaitu: "Fitnah bermakna ujian, fitnah bermakna cubaan, fitnah bermakna harta, fitnah bermakna anak-anak, fitnah bermakna kekafiran, fitnah bermakna perselisihan pendapat di antara manusia, fitnah bermakna pembakaran dengan api." (Lihat *Lisan al-'Arab*, 13/317)

22. Doa ini berdasarkan beberapa buah hadith. Antaranya, dalam satu riwayat menyebut bahawa sesiapa yang mengamalkannya, maka dia akan diberi keselamatan sepanjang berada di sesuatu tempat itu. Diriwayatkan daripada Khaulah binti Hakim al-Sulamiyyah R.Anha, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ نَزَلَ مِنْزِلًا ثُمَّ قَالَ: أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ، لَمْ يَضُرَّهُ شَيْءٌ حَتَّى يَرْتَحِلَ مِنْ مَنْزِلِهِ ذَلِكَ

Maksudnya: "Barangsiapa yang singgah pada suatu tempat, kemudian mengucapkan:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

(Aku berlindung dengan kalimah Allah yang sempurna daripada segala keburukan yang Allah SWT cipta), segala sesuatu tidak akan memberi mudarat padanya, sebilanglah dia meninggalkan tempat tersebut.

Riwayat Muslim (7053)

Imam al-Nawawi berkata: "Ungkapan Rasulullah SAW "أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ" (Aku berlindung dengan kalimah Allah yang sempurna), bermaksud kalimat yang tidak mengandungi kekurangan atau cela, atau maksudnya yang bermanfaat dan menyembuhkan, atau makna lain yang dimaksudkan

dengan kalimat di sini adalah al-Quran. Wallahu a'lam. (Lihat **al-Minhaj Syarh Sahih Muslim**, 17/31)

Di dalam Syarah Hisn al-Muslim, dikatakan maksud kalimah Allah yang sempurna itu adalah nama-nama Allah yang mana tidak ada padanya kekurangan. (Lihat **Syarah Hisn al-Muslim**, hlm. 154)

Abu al-'Abbas al-Qurtubi menyebut: “Ungkapan Nabi SAW *“لَمْ يَضُرَّهُ شَيْءٌ حَتَّى يَرْجُلَ مِنْ مَنْزِلِهِ ذَلِكَ”* (tidak akan dimudaratkannya oleh sesuatu, sehinggalah dia meninggalkan tempat tersebut), ini adalah khabar yang sahih, perkataan yang benar berlandaskan dalil dan pengalaman. Ini kerana sejak mendengarnya, sungguh aku selalu mengamalkannya dan aku tidak pernah tertimpa marabahaya sehinggalah aku meninggalkannya, lalu aku disengat kala jengking pada suatu malam. Kemudian aku merenung, ternyata aku lupa berlindung (kepada Allah) dengan kalimat-kalimat tersebut.” (Lihat **al-Mufhim li ma asykala min Talkhis Syarh Sahih Muslim**, 4/1527)

Manakala dalam hadith lain, yang diriwayatkan daripada Suhail bin Abi Salih, daripada bapanya, daripada Abu Hurairah R.A, Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَالَ حِينَ يُمْسِي ثَلَاثَ مَرَّاتٍ : أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا
خَلَقَ ، لَمْ يَضُرَّهُ حُمَةٌ تَلِكَ اللَّيْلَةَ

Maksudnya: “Sesiapa yang mengucapkan pada waktu petang tiga kali:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

(“Aku berlindung dengan kalimah Allah yang sempurna daripada segala keburukan yang Allah SWT cipta”), tidak akan terkena sengatan binatang berbisa pada malam itu.”

Riwayat al-Tirmizi (3604)

Suhail (perawi hadith ini) berkata: “Keluarga kami mempelajarinya dan mengucapkannya pada setiap malam, hingga tiba suatu hari seorang anak perempuan kami disengat oleh seekor binatang, namun dia tidak merasa sakit sedikit pun.” (Lihat **Sunan al-Tirmizi**, 5/475)

Dalam hadith lain, sepertimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A, beliau berkata:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ مَا لَقِيتُ مِنْ
عَقْرَبٍ لَدَعْتَنِي الْبَارِحَةَ، قَالَ: أَمَا لَوْ قُلْتَ، حِينَ أَمْسَيْتَ: أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ
اللهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ، لَمْ تَضُرَّكَ

Maksudnya: “Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW lalu berkata: Wahai Rasulullah, ketika aku sedang tidur, ada seekor kala jengking datang menyengatku. Maka Nabi SAW bersabda: Jika kamu membaca ketika waktu petang (malam) itu:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

(Aku berlindung dengan kalimah Allah yang sempurna daripada segala keburukan yang Allah SWT cipta), nescaya tidak akan berlaku perkara yang memudaratkan kamu.”

Riwayat Muslim (2709)

23. Maksud ungkapan “أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْتَعِعُ” ialah lindungilah aku dari ilmu yang aku tidak beramal dengannya, dan yang aku tidak mengambil manfaat dengannya, dan aku tidak mengajarkan manusia dengannya, serta yang tidak menambah baik pada akhlak, amalan dan kata-kata. Ini kerana ilmu yang bermanfaat itu ialah yang menambahkan rasa takut kepada Allah SWT, dan menambahkan kesedaran seorang hamba terhadap aib-aib

dan kekurangan dirinya sendiri serta kekurangan-kekurangan di dalam amalannya. (Lihat **Tuhfah al-Zakirin**, hlm. 419; **Faidh al-Qadir**, 2/153 dan **al-Futuh al-Rabbaniyah**, 3/132)

Mulla ‘Ali al-Qari menjelaskan: Hati yang tidak khusyuk ialah hati yang tidak tetap dan tidak tenang dalam zikir kepada Allah. Manakala maksud “نَفْسٍ لَا تَسْبِغُ” adalah nafsu yang tidak kenyang dengan apa yang telah diberikan Allah SWT, serta tidak merasa *qana’ah* (cukup) dan puas dengan rezeki yang telah dikurniakan-Nya, dan juga tidak berhenti mengumpulkan harta disebabkan sikap tamak dan haloba yang keterlaluan. (Lihat **Mirqat al-Mafatih**, 4/1706)

24. Doa ini diriwayatkan oleh Anas bin Malik R.A. Beliau berkata:

كَانَ يَقُولُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ
سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

Maksudnya: Adalah Nabi SAW berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ

(“Ya Allah aku berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk.”)

Riwayat Abu Daud (1554). Menurut Syeikh Syaib al-Ama’uth, sanad hadith ini adalah *sahih*.

Imam al-Khattabi menyatakan kita dituntut untuk memohon perlindungan daripada penyakit-penyakit ini kerana ia mencatatkan

badan dan kekal kesannya serta sebahagiannya memberi kesan kepada akal. Penyakit-penyakit ini tidak sama dengan penyakit-penyakit lain yang mana ia tidak kekal seperti demam, pening dan seumpamanya yang mana ia adalah *kaffarat* (penghapus dosa) dan bukannya hukuman. (Lihat **Ma'alim al-Sunan**, 1/297)

Tambahan pula, penyakit gila adalah suatu penyakit yang menyebabkan hilangnya akal di mana akal adalah permulaan kepada kebaikan ilmu dan amal sehingga dikatakan ia (akal) lebih utama daripada ilmu.

Adapun penyakit kusta pula adalah penyakit yang menyebabkan badan menjadi hitam, lalu ia akan merosakkan anggota dan kemungkinan ia akan memakan anggota tersebut sehingga menyebabkan ia terputus daripada badan. Justeru, kita dituntut untuk memohon perlindungan dengan Allah daripada apa-apa yang boleh merosakkan batin kita seperti hilangnya akal serta apa-apa yang boleh mencacatkan zahir kita seperti penyakit kusta ini.

Maka dengan sebab itu, diumumkan (pada akhir doa) dari setiap penyakit yang membinasakan diri atau badan dengan menyebut penyakit-penyakit yang buruk. (Lihat **al-Futuhat al-Rabbaniyyah**, 7/217-218)

Al-Tibi pula dalam menjelaskan hadis ini menyebut bahawa Nabi SAW tidak meminta berlindung secara mutlak dari segala penyakit kerana sebahagian penyakit ada yang tidak terlalu parah dan mengandungi banyak pahala jika dihadapi dengan sabar. Ini seperti demam, pening, sakit mata dan sebagainya. Baginda SAW hanya minta berlindung dari penyakit-penyakit yang kronik, yang berpanjangan, di mana menjadikan manusia menjauhi darinya seperti sopak, gila, kusta dan seumpamanya. (Lihat **Syarah al-Tibi 'ala Misykat al-Masabih**, 6/1918)

Kami pernah bertanya kepada Syeikh Muhamad ‘Awwamah berkenaan makna “*penyakit-penyakit yang buruk*”. Menurutnya, ia adalah apa-apa sahaja penyakit teruk yang berbahaya seperti selsema burung, kanser dan sebagainya. Maka, virus Covid-19 yang sedang tular pada waktu ini juga boleh dikategorikan sebagai penyakit-penyakit yang buruk sepertimana disebutkan di dalam hadith atau doa di atas. (Berdasarkan pertemuan di kediaman beliau di Istanbul, Turki pada 27/1/2020)

Lihat juga artikel di laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertajuk *Irsyad al-Hadith Siri ke-465: Maksud Doa Tolak Waba’ (Siri 3)* untuk bacaan lanjut.

25. Doa ini adalah mengikut lafaz yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban, iaitu daripada Ziyad bin ‘Ilaqah, daripada bapa saudaranya, bahawa Nabi SAW membaca doa:

اللَّهُمَّ جَنِّبْنِي مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ، وَالْأَهْوَاءِ، وَالْأَسْوَاءِ، وَالْأَدْوَاءِ

Maksudnya: “*Ya Allah! Jaubkanlah aku daripada kemungkinan akhlak (akhlak-akhlak yang keji), mengikut hawa nafsu, keadaan yang buruk dan penyakit yang berbahaya.*”

Riwayat Ibn Hibban (960)

Manakala mengikut lafaz dalam riwayat al-Tirmizi, daripada Ziyad bin ‘Ilaqah, daripada bapa saudaranya, bahawa Nabi SAW membaca doa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ وَالْأَعْمَالِ وَالْأَهْوَاءِ

Maksudnya: “*Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari keburukan akhlak, amalan dan hawa nafsu.*”

Riwayat al-Tirmizi (3591)

Di dalam riwayat al-Hakim terdapat perbezaan sedikit iaitu pada kalimah الْأَسْوَاءِ (keadaan yang buruk)” yang mana di dalam riwayat al-Hakim disebutkan الْأَعْمَالِ (perbuatan yang buruk) dan bukannya keadaan yang buruk.” (Lihat **al-Mustadrak**, 1/714) Adapun dari sudut status hadith ini, ia disahihkan oleh Imam Ibn Hibban dan juga Imam al-Hakim. Imam al-Hakim menyatakan hadith ini sanadnya sahih mengikut syarat Imam Muslim.

Hadith ini mendorong kita agar menjauhkan diri daripada akhlak yang keji serta menyeru kita agar berakhlak dengan akhlak yang terpuji di samping beramal dengan amalan soleh. Antara yang dimaksudkan dengan kemungkaran akhlak adalah seperti ‘*ujub*, *takabbur*, sombong, bangga diri, hasad dengki, mengangkat diri dan zalim.

Adapun kemungkaran amalan pula adalah seperti zina, meminum arak dan perkara-perkara haram yang lain. Manakala kemungkaran hawa nafsu pula bermaksud pegangan (*i’tiqad*) yang salah, tujuan yang *bathil* (salah), pemikiran yang merosakkan serta adat yang mengaibkan. (Lihat **Nuzhah al-Muttaqin**, 2/242)

Maksud “penyakit yang berbahaya” di dalam doa tersebut adalah seperti penyakit kusta, sopak, batuk kering, penyakit rongga paru-paru atau seumpamanya yang mana kesemuanya adalah penyakit yang berbahaya. (Lihat **Faidh al-Qadir**, 2/110) Untuk itu, lafaz hadith atau doa ini adalah bersifat umum. Maka ia boleh dimaksudkan dengan apa jua penyakit yang berbahaya.

Nabi SAW selalu berdoa agar dipelihara oleh Allah SWT daripada penyakit-penyakit yang berbahaya ini serta memohon agar dijauhi daripada seburuk-buruk penyakit. (Lihat **Subul al-Salam**, 2/673)

Lihat juga artikel di laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertajuk **Irsyad al-Hadith Siri ke-466: Maksud Doa Tolak Waba’ (Siri 4)** untuk bacaan lanjut.

26. Doa ini adalah berdasarkan kepada sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, bahawa Nabi SAW bersabda:

تَعَوَّذُوا بِاللَّهِ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ ، وَدَرَكِ الشَّقَاءِ ، وَسُوءِ الْقَضَاءِ ، وَشَمَاتَةِ
الْأَعْدَاءِ

Maksudnya: *“Mintalah perlindungan kepada Allah daripada bala yang berat, binanya kesengsaraan, takdir yang buruk, dan kegembiraan musub (terhadap masalah yang menimpa).”*

Riwayat al-Bukhari (6347)
dan Muslim (2707)

Imam al-Nawawi menjelaskan bahawa maksud perlindungan daripada buruknya takdir adalah merangkumi buruknya takdir dalam agama, dunia, badan, harta dan keluarga. Manakala berkenaan maksud hinanya kesengsaraan (دَرَكِ الشَّقَاءِ), ia juga merangkumi urusan-urusan akhirat dan dunia. (Lihat ***al-Minhaj Syarh Sahih Muslim***, 17/31)

Permintaan berlindung daripada ketentuan takdir yang berakibat buruk tidaklah bertentangan dengan sikap redha terhadap ketentuan takdir Allah SWT. Ini kerana meminta berlindung dari ketentuan takdir yang buruk juga merupakan ketentuan takdir Allah SWT. Allah boleh sahaja mentakdirkan bala kepada seseorang. Namun Allah juga mentakdirkan bahawa apabila seseorang berdoa, maka Dia akan menghilangkan bala tersebut. (Lihat ***Tuhfah al-Zakirin***, him. 381 dan ***Mir'at al-Mafatih***, 8/214)

27. Doa ini diriwayatkan oleh Abdullah bin ‘Umar R.Anhuma. Beliau berkata: “Antara doa Rasulullah SAW adalah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ
وَجَمِيعِ سَخَطِكَ

Maksudnya: “*Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari hilangnya kenikmatan yang telah Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang telah Engkau anugerahkan, dari seksa-Mu yang datang secara tiba-tiba, dan dari segala kemurkaan-Mu.*”

Riwayat Muslim (2739)

Syeikh al-‘Azim Abadi menyebut: “Yang dimaksudkan dengan nikmat di sini adalah nikmat Islam, iman, anugerah ihsan (berbuat baik) dan kebajikan. Manakala maksud berubahnya kesihatan (وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ) adalah berubahnya nikmat sihat menjadi sakit daripada anggota pendengaran, penglihatan dan anggota-anggota badan yang lain.” (Lihat ‘**Aun al-Ma’bud**, 4/283)

28. Doa ini berdasarkan kepada sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Said al-Khudri R.A, katanya: “Rasulullah SAW telah memasuki masjid. Didapati pada waktu tersebut ada seorang sahabat dari kalangan Ansar – dikatakan beliau adalah Abu Umamah R.A – sedang duduk di sana. Baginda lalu bertanya: “*Wahai Abu Umamah, kenapa aku melihat engkau sedang duduk di dalam masjid sedangkan bukan di waktu solat?*” Abu Umamah menjawab: “*Dukacita dan hutang menyelubungiku wahai Rasulullah!*”

Rasulullah SAW bersabda: “*Mahukah kamu aku ajarkan kepada kamu satu doa jika kamu membacanya Allah akan menghilangkan rasa dukacitamu dan melangsaikan hutangmu.*” Abu Umamah menjawab:

“Sudah tentu, wahai Rasulullah.” Maka Baginda bersabda: “Ucapkanlah pada waktu pagi dan petang bacaan ini:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ أَلَمٍ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَأَعُوذُ
بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau dari keduakaan dan kesedihan. Aku berlindung kepada Engkau dari sifat lemah dan malas. Aku berlindung kepada Engkau dari sifat pengecut dan kedekut. Dan aku berlindung kepada Engkau dari bebanan butang dan penindasan manusia.”

Abu Umamah RA berkata: “Setelah membaca doa tersebut, Allah menghilangkan keduakaanku dan melunaskan butangku.”

Riwayat Abu Daud (1555)

Dalam hadis di atas, Rasulullah SAW mengajar kita agar berlindung kepada Allah SWT daripada lapan perkara. Setiap dua perkara memiliki makna yang saling berkaitan sepertimana disebut oleh Imam Ibn al-Qayyim di dalam *Badai’ al-Fawa’id* (2/207). Kami nukilkan seperti berikut:

Pertama dan Kedua: *al-Hamm* (الْهَمُّ) (kegelisahan) dan *al-Hazan* (الْحَزَنُ) (kesedihan).

Kedua-dua perkara ini akan menjadikan jiwa tidak tenang. *Al-Hamm* adalah kegelisahan terhadap perkara yang mungkin akan berlaku pada masa depan. Manakala *al-hazan* adalah kesedihan terhadap sesuatu yang telah terjadi atau kehilangan orang dicintai.

Kedua-dua perkara ini akan menjadikan jiwa tidak tenang. *Al-Hamm* adalah kegelisahan terhadap perkara yang mungkin akan berlaku pada masa depan. Manakala *al-hazan* adalah kesedihan terhadap sesuatu yang telah

terjadi atau kehilangan orang dicintai.

Ketiga dan keempat: *Al-'Ajz* (الْعَجْز) (lemah) dan *al-Kasal* (الكَسَل) (malas).

Kedua perkara ini juga akan menghalang seseorang untuk mencapai sesuatu yang diinginkannya. *Al-'Ajzu* (lemah) adalah apabila seseorang tiada kemampuan untuk melakukan sesuatu walaupun dia ada kemahuan. Manakala *al-kasal* (malas) adalah tidak adanya kemahuan untuk melakukan pekerjaan walaupun dia berkemampuan.

Kelima dan keenam: *al-Jubn* (الْجُبْن) (penakut) dan *al-Bukhl* (الْبُخْل) (kedekut).

Kedua perkara ini menunjukkan kerisauan yang ada dalam diri seseorang tentang nasib diri dan hartanya pada masa akan datang, lalu dia menjadi penakut dan kedekut. Penakut adalah bagi orang yang takut jiwanya terancam, manakala bakhil khusus bagi orang yang takut hartanya habis. (Lihat ***Badai' al-Fawa'id***, 2/207)

Ketujuh dan Kelapan: *Ghalabat al-Dain* (غَلَابَةُ الدَّيْنِ) (Hutang yang membelit) dan *Qahr al-Rijal* (قَهْر الرِّجَالِ) (penguasaan orang).

Kedua perkara ini adalah perkara yang sering berkait. Ini kerana apabila seseorang mempunyai hutang yang banyak, maka dia secara tidak langsung berada di bawah kekuasaan orang yang memberi hutang kepadanya.

Imam al-Qurtubi berkata: *"Para ulama' berkata, maksud daripada tekanan hutang adalah, seseorang itu tidak memiliki apa-apa lagi untuk melunaskan hutangnya ketika orang yang memberi hutang menagihnya."*

29. Doa ini merupakan doa yang diungkapkan oleh Talut dan golongan yang beriman ketika menentang bala tentera Jalut. Syeikh al-Maraghi dalam tafsirnya menyebut, ketika Talut dan golongan beriman yang

bersamanya melihat musuhnya dalam jumlah yang besar, mereka pun berlindung kepada Allah SWT. Mereka lalu berdoa memohon supaya hati mereka dipenuhi kesabaran, ketabahan, manakala langkah mereka diteguhkan untuk berperang serta ditanamkan perasaan penuh kepercayaan dan ketenangan.

Hakikatnya mereka ini memerhatikan tertib sifat alam semasa berdoa, sesuai dengan cara untuk memperoleh kemenangan. Ini kerana, kesabaran menjadi faktor keteguhan dan keteguhan pula menjadi faktor kemenangan. (Lihat *Tafsir al-Maraghi*, 1/554)

30. Sayyid Qutb dalam mentafsirkan ayat ini berkata: Doa Nabi Sulaiman AS ini dimulakan dengan “رَبِّ” (“Wahai Tuhanku!). Di sini beliau menggunakan kata-kata seruan dari dekat dan secara langsung. Kemudian beliau memohon dengan “أَوْزِعْنِي” (Ilhamkanlah aku) atau tumpahkan diriku yakni kumpulkan seluruh diriku dan anggotaku, perasaanku, lidahku, hatiku, fikiranku, perkataanku, susunan perkataanku, amalanku dan tujuanku. Begitu juga seluruh daya tenagaku supaya seluruhnya ditumpukan “*agar tetap bersyukur dengan nikmat yang telah Engkau limpahkan kepadaku dan kepada kedua-dua ibubapaku.*”

Ungkapan ini membayangkan nikmat Allah yang telah mengharukan hati Nabi Sulaiman AS pada saat itu dan menggambarkan bentuk perasaan keterharuan, kekuatan *tawajjuh* dan rasa hatinya yang bergelora ketika beliau menyedari nikmat Allah dan limpah kurniaan kepadanya dan kepada kedua ibubapanya. Beliau mengalami nikmat dan rahmat Allah itu dengan penuh perasaan lalu memohon seperti doa di atas. (Lihat *Tafsir Fi Zilal al-Quran*, 12/155)

31. Ibn Kathir dalam Tafsirnya menyebut sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Ummu Salamah R.Anha, bahawa Nabi SAW selepas membaca doa “ يَا مُقَلَّبَ الْقُلُوبِ ، نَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ ”

Baginda SAW membaca ayat ini رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ
(Lihat **Tafsir al-Quran al-'Azim**, 2/15) . رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ).

Syeikh al-Maraghi berkata bahawa orang yang dalam ilmunya akan segera memohon kepada Allah SWT agar diri mereka dipelihara dari segala kesesatan setelah mendapat hidayah, diberi sikap teguh untuk mengetahui hakikat sesuatu dan bersikap lurus sewaktu menetapkan kebenaran. Mereka berdoa kerana sedar akan kelemahan manusia, yang mempunyai watak berubah-ubah, lupa dan lemah serta takut jatuh dalam kesalahan. Sedangkan kesalahan itu teman karib kebinasaan. (Lihat **Tafsir al-Maraghi**, 2/695)

32. Ibn Kathir menyebut dalam mentafsirkan ayat ini: “Maksudnya kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisi-Mu, yang dengannya Engkau mengasihi kami. Dan tetapkanlah bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami. Dengan kata lain, jadikanlah kesudahan akhir kami di atas petunjuk yang lurus.” (Lihat **Tafsir al-Quran al-'Azim**, 5/230)

33. Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhaili menjelaskan: “Ayat ini menjadi dalil tentang solidariti (perpaduan/setiakawan) antara segenap lapisan generasi umat ini, mulai dari generasi pertama sehingga generasi-generasi berikutnya. Ayat ini menunjukkan bahawa orang-orang Mukmin yang datang kemudian dari generasi ke generasi diperintahkan untuk memohon *maghfirah* dan keampunan bagi generasi terdahulu dari kalangan kaum Muhajirin dan Ansar.” (Lihat **al-Tafsir al-Munir**, 14/460)

34. Doa ini juga merupakan antara doa yang sering diucapkan oleh Nabi SAW. Ini berdasarkan sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Anas R.A, beliau berkata:

كَانَ أَكْثَرَ دُعَاءِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اللَّهُمَّ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: “Doa Nabi SAW yang paling sering diucapkan ialah:

اللَّهُمَّ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

“Ya Allah, Ya Rabb kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari seksa api neraka.”

Riwayat al-Bukhari (6389)
dan Muslim (7016)

Imam Muslim menambah dalam riwayatnya:

وَكَانَ أَنَسٌ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَدْعُوَ بِدَعْوَةٍ دَعَا بِهَا، فَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَدْعُوَ بِدَعَاءٍ
دَعَا بِهَا فِيهِ

Maksudnya: “Apabila Anas hendak berdoa dengan satu doa, maka dia berdoa dengan doa tersebut. Apabila dia hendak berdoa dengan beberapa doa, maka dia menyertakan doa tersebut di dalamnya.”

Al-Hafiz Ibn Hajar menukilkan bahawa al-Qadhi ‘Iyadh berkata: “Nabi SAW sering berdoa dengan doa ini kerana pada doa ini terkumpul makna doa seluruhnya, baik yang berhubungan dengan perkara dunia mahupun akhirat. (Lihat **Fath al-Bari**, 14/430)

Imam Ibn Kathir pula menjelaskan bahawa doa ini meliputi pelbagai kebaikan di dunia dan menjauhkan segala kejahatan. Ia mencakupi permintaan yang bersifat duniawi seperti kesihatan, rumah yang luas, isteri yang cantik, rezeki yang melimpah, ilmu yang bermanfaat, amal soleh, kenderaan yang baik, pujian dan sebagainya.

Kebaikan di akhirat pula mencakupi masuk ke dalam syurga – yang merupakan kebaikan yang tertinggi – kemudahan hisab dan pelbagai urusan akhirat yang lain. Manakala keselamatan dari api neraka pula bererti juga kemudahan dari pelbagai faktor penyebabnya di dunia, iaitu berupa perlindungan daripada segala dosa dan larangan serta terhindar daripada pelbagai syubhat dan perkara haram. (Lihat **Tafsir al-Quran al-‘Azim**, 1/390)

Kami berdoa kepada Allah SWT, semoga buku doa yang ringkas ini, yang kami tujukkan dengan **“Inilah Doaku”** menjadi amalan kita di samping doa-doa yang lain. Semoga kita memperolehi segala hajat dan kebahagiaan hidup di dunia seterusnya di akhirat. Amin.
